

Bagaimana Memahami Hadis Nabi (SAW)

Dahan ketiga daripada Kalimah Kedua Puluh Empat

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani

Lantaran terdapat sedikit kekaburan yang menyelubungi kefahaman beberapa hadis berkaitan ‘tanda-tanda dan kejadian-kejadian pada hari kiamat’, juga hadis-hadis berkaitan ‘kelebihan dan pahala beberapa amalan’, maka beberapa orang ahli ilmu yang dikira bijaksana telah menda’ifkannya. Sesetengah hadis tersebut juga telah dikategorikan sebagai *mawdu’* bahkan golongan yang lemah iman yang terpedaya dengan kefahaman mereka sendiri telah pergi lebih jauh lagi dengan mengingkari hadis-hadis tersebut.

Di sini, kami tidak mahu berbahas dengan mereka secara terperinci. Kami hanya ingin menyebutkan dua belas prinsip atau kaedah umum yang boleh dijadikan panduan bagi memahami hadis-hadis yang menjadi topik perbincangan ini.

Kaedah Pertama: “Agama adalah ujian”

Ia adalah masalah yang telah kami terangkan dalam jawapan terhadap soalan yang terdapat pada penghujung ‘Kalimah Kedua Puluh’, yang ringkasannya:

Bahawa agama adalah ujian dan dugaan, bagi membezakan ruh yang tinggi dan mulia daripada ruh yang rendah. Ketika membahaskan tentang kejadian-kejadian yang akan berlaku pada masa hadapan, agama ini membahaskannya dengan menggunakan bentuk ayat yang dapat difahami oleh manusia, tidak dengan ayat yang kabur sehingga amat sukar untuk dimengerti oleh mereka, dan tidaklah juga terlalu jelas dan terang sehingga tidak dapat mereka mesti menerima dan mempercayainya. Bahkan ia dibentang dan dipersembahkan dalam bentuk yang dapat membuka minda manusia, tidak berada di luar kefahaman mereka dan tidak juga sehingga menghilangkan kekuasaan mereka untuk melakukan pemilihan.

Jika sesuatu tanda hari kiamat amat jelas kelihatan sebagaimana jelasnya perkara-perkara yang *badihi*¹ sehingga memaksa manusia untuk menerima dan mempercayainya, nescaya pada masa itu semua benda yang mempunyai potensi berlainan yang ditentukan oleh fitrah kejadian akan menjadi sama nilainya di sisi manusia. Contohnya seperti arang batu yang rendah nilainya akan menjadi sama sahaja dengan emas yang tinggi nilainya. Begitu juga akan lenyaplah rahsia taklif dan natijah ujian akan menjadi sia-sia.

Oleh kerana itulah terdapat banyak perselisihan dalam beberapa masalah seperti masalah-masalah yang berkaitan dengan al-Mahdi² dan al-Sufyan³ sehingga menerbitkan pelbagai hukum yang saling

¹ Perkara-perkara badihi ialah perkara yang amat jelas sehingga tidak perlu berfikir untuk menerimanya, seperti 2 tambah 2 jawapannya 4.

² Hadis-hadis mengenai al-Mahdi terdapat dalam al-Tarmidhi, Abu Dawud, Ibn Majah, al-Hakim, al-Tabarani dan Abu Ya’la al-Musili. Mereka semua menyandarkannya kepada sekumpulan sahabat. al-Shawkani berkata di dalam al-Tawdih: “Hadis-hadis berkenaan al-Mahdi yang boleh ditemui berjumlah lima puluh hadis. Antaranya ada yang sahih, hasan dan da’if yang boleh ditampung. Maka ia adalah mutawatir tanpa syak dan ragu, bahkan sifat mutawatir sudah boleh diberikan kepada hadis-hadis yang lebih rendah kedudukannya berdasarkan keseluruhan istilah yang dibincangkan dalam ilmu usul. Manakala athar daripada sahabat yang menyebutkan secara terang tentang al-Mahdi maka ia adalah terlalu banyak sehingga mencapai hukum marfu’, kerana tidak boleh ijtihad dalam perkara seumpama ini.” Lihat al-Mubarafuri, Tuhfat al-Ahwadhi, jld. 6, hlm. 485.

³ Banyak juga hadis berkenaan dengan al-dajjal yang memfitnahkan umat Islam yang disifatkan sebagai al-Sufyani. Antaranya kami sebutkan di sini: Daripada Abu Hurairah RA katanya, “Rasulullah SAW bersabda, “Seorang lelaki yang

bertentangan kerana terdapat banyak perselisihan dalam periyawatan hadis-hadis yang berkenaan dengannya.

Kaedah Kedua: Tingkatan-tingkatan Permasalahan dalam Islam

Terdapat banyak tingkatan dan martabat bagi permasalahan-permasalahan yang terdapat dalam agama Islam. Ada di antaranya perlu kepada dalil dan bukti yang konkret, sebagaimana berlaku dalam permasalahan-permasalahan yang berkait dengan akidah. Namun ada juga memadai dengan berat sangkaan (*ghalabat al-zann*) sahaja, bahkan ada juga memadai hanya dengan semata-mata menerima dan mempercayainya serta tidak menolaknya.

Oleh itu, dalil yang konkret dan kepatuhan serta keyakinan yang penuh tidak sentiasa dituntut pada setiap permasalahan cabang atau kejadian-kejadian akan datang yang bukan terdiri daripada asas keimanan, bahkan memadai dengan hanya menerima, mempercayai dan tidak menolaknya.

Kaedah Ketiga: Maklumat-maklumat Ulama Ahlil Kitab

Ramai dari kalangan ulama Bani Israel dan golongan Nasara telah memeluk Islam pada zaman sahabat RA. Mereka membawa bersama-sama mereka segala maklumat yang ada pada mereka itu ke dalam agama Islam. Tidak sedikit daripada maklumat-maklumat tersebut telah diambil dan dianggap sebagai sebahagian daripada ilmu-ilmu Islam sedangkan ia bersalahan dengan realiti keadaan sebenar.

Kaedah Keempat: Catatan Perawi

Beberapa catatan daripada kata-kata perawi atau pengertian-pengertian yang dirumuskan olehnya telah dimasukkan ke dalam matan hadis, lalu hadis tersebut terjejas lantaran ‘*illah* yang terdapat pada kata-kata dan rumusan tersebut. Oleh kerana manusia tidak terlepas daripada melakukan kesalahan, beberapa kata-kata dan rumusan-rumusan tersebut didapati bercanggah dengan realiti yang menyebabkan hadis tersebut menjadi da‘if.

Kaedah Kelima: Ilham

Beberapa pengertian yang diilhamkan kepada para wali dan ahli kasyaf dari kalangan mereka yang mendapat ilham (*muhammadathin*) dianggap sebagai hadis, berdasarkan bahawa ada di kalangan umat ini golongan ‘*muhammadathin*⁴ atau mendapat ilham. Adalah dimaklumi bahawa ilham para wali

dikenali sebagai al-Sufyani akan keluar dari tengah-tengah Damsyik dan majoriti pengikutnya adalah dari Kalb. Dia banyak melakukan pembunuhan sehingga membelah perut-perut ibu mengandung dan membunuh kanak-kanak. Lalu mereka ditentang oleh Qays (satu kabilah) tetapi dibunuh oleh al-Sufyani, sehingga tidak meninggalkan seorang pun. Kemudian seorang lelaki dari kalangan ahli keluargaku akan keluar dari al-Harra (satu kawasan bergunung dan berbatu) dan dia mendapat berita tentang al-Sufyani lalu dia mengirimkan satu kumpulan tenteranya namun tenteranya dapat dikalahkan oleh al-Sufyani. Kemudian al-Sufyani mara bersama-sama dengan tenteranya sehingga tiba di suatu padang pasir, bumi menelan mereka semua sehingga tidak terselamat kecuali seorang sahaja yang menceritakan tentang (kejadian yang menimpa) mereka.” Dikeluarkan oleh al-Hakim di dalam al-Mustadrak, jld. 4, hlm. 520. Beliau berkata: “Ini adalah hadis yang sahif sanadnya berdasarkan syarat Imam al-Bukhari dan Muslim namun mereka berdua tidak mengeluarkan hadis ini, dan ia turut dipersetujui oleh al-Dhahabi.” Hadis ini juga turut disebutkan oleh al-Suyuti di dalam al-La’ali’, jld. 2, hlm. 388, al-Asfarayini, jld. 2, hlm. 75, dan lihat juga al-Bidayah wa al-Nihayah, oleh Ibn Kathir dan al-Tadhkirah oleh al-Dhahabi. (Penterjemah)

⁴ Daripada Abu Hurayrah RA, katanya: “Rasulullah SAW bersabda: “Adalah dari kalangan umat sebelum kamu beberapa orang yang mendapat ilham (*muhammadathun*) tetapi mereka bukanlah terdiri daripada kalangan nabi. Jika ada seseorang dari kalangan umatku, nescaya dia adalah ‘Umar.” Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam kelebihan-kelebihan sahabat Nabi SAW, bab manaqib (keistimewaan) ‘Umar ibn al-Khattab RA secara musnad dan mu‘allaq, juga di dalam al-anbiya’, bab apa yang disebutkan tentang Bani Israel. Diriwayatkan juga oleh Muslim 2398 dalam kelebihan-kelebihan para sahabat, bab kelebihan ‘Umar ibn al-Khattab RA daripada hadis ‘A’ishah RA. (Penterjemah)

berkemungkinan salah kerana perkara-perkara yang mendarat. Oleh itu, ia mungkin kelihatan bersalah dengan hakikat sebenar pada umpama riwayat-riwayat dalam masalah ini.

Kaedah Keenam: Peri Bahasa

Beberapa hikayat atau cerita menjadi masyhur di kalangan orang ramai. Lalu cerita-cerita tersebut menjadi seperti peri bahasa. Pada peri bahasa, maknanya yang sebenar tidak dilihat atau tidak dimaksudkan. Tetapi yang dilihat ialah tujuan atau matlamat kenapa peri bahasa itu dikemukakan. Oleh itu, beberapa hadis telah menyebutkan cerita-cerita atau hikayat-hikayat yang telah menjadi kebiasaan orang ramai secara *kinayah* (sindiran) dan peri bahasa bertujuan untuk memberikan tunjuk ajar dan panduan kepada manusia.

Jika terdapat beberapa kekurangan atau kecacatan dari sudut makna hakikatnya dalam permasalahan seumpama ini, maka ia adalah berpunca daripada kebiasaan dan adat manusia itu sendiri, dan berpunca daripada hikayat-hikayat yang mereka dengar dan ketahui sebelumnya.

Kaedah Ketujuh: Perbandingan dalam Balaghah

Banyak perbandingan-perbandingan dan perumpamaan-perumpamaan balaghah dianggap sebagai hakikat kebenaran yang sebenar, sama ada dengan sebab berlalunya masa yang panjang atau dengan sebab ia berpindah daripada skop ilmu kepada skop kejahilan. Lalu menyebabkan manusia melakukan kesalahan dan kesilapan kerana menganggap perumpamaan-perumpamaan itu sebagai suatu hakikat kebenaran yang sebenar.

Sebagai contoh: Dua malaikat dinamakan sebagai ‘lembu jantan’ dan ‘ikan paus’ yang digambarkan berbentuk demikian dalam alam khayalan. Kedua-duanya adalah terdiri daripada para malaikat Allah yang mengawasi binatang-binatang daratan dan lautan. Kedua-duanya telah bertukar benar-benar menjadi lembu jantan yang besar dan ikan paus yang berjisim pada sangkaan orang ramai dan pemahaman mereka yang salah, yang menyebabkan pertentangan dengan apa yang terdapat di dalam hadis.

Sebagai contoh lagi:

Pada suatu hari, kedengaran satu bunyi pada majlis Rasulullah SAW, lalu baginda bersabda: “Ini adalah bunyi seketul batu yang jatuh ke dalam neraka jahannam semenjak 70 tahun yang lalu, sekarang baru ia tiba ke dasarnya.”⁵ Maka sesiapa yang mendengar hadis ini dan tidak jelas hakikat sebenarnya, dia akan mengingkari hadis ini, lalu dia berada dalam kesesatan. Tetapi jika dia tahu apa yang berlaku secara pasti, -kerana selepas beberapa ketika, salah seorang sahabat datang kepada baginda SAW dan memberitahu bahawa seorang munafiq yang terkenal telah meninggal dunia sebentar tadi-, nescaya dia akan yakin bahawa Rasulullah SAW berdasarkan kemampuan balaghah baginda yang tinggi telah menggambarkan si munafiq yang telah mencapai umur 70 tahun seumpama sekutul batu yang sedang menjunam ke dalam neraka jahannam, kerana seluruh kehidupannya menuju kejatuhan kepada kekufturan dan terbenam ke dalam lembah yang paling rendah. Allah SWT telah

⁵ Imam Muslim meriwayatkan di dalam kitab al-Zuhd dan sifat syurga dan iman, daripada Abu Hurayrah RA katanya: “Kami bersama Rasulullah SAW. Tiba-tiba kedengaran bunyi sesuatu jatuh, lalu baginda SAW bertanya: “Adakah kamu tahu bunyi apakah itu?” Kami berkata: “Allah dan RasulNya lebih mengetahui.” Baginda berkata: “Itu adalah sekutul batu yang dicampakkan ke dalam neraka jahannam semenjak 70 tahun yang lalu. Ia terus menjunam di dalam neraka hingga sekarang barulah ia sampai ke dasarnya.” Dalam satu riwayat terdapat tambahan: “lalu kamu mendengar bunyi ia jatuh.” (4/2185-3185, no. 2844) Diriwayatkan juga daripada Jabir ibn ‘Abdullah RA bahawa Rasulullah SAW tiba daripada satu perjalanan. Apabila hampir tiba ke Madinah, angin yang sangat kuat bertiup hingga hampir menimbulkan para penunggang. Lalu dia mendakwa bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Angin ini diutuskan kerana kematian seorang munafiq.” Apabila tiba di Madinah, memang benar salah seorang pembesar munafiq telah meninggal dunia. (4/2145, no. 2782). Dan diriwayatkan oleh Imam Ahmad dengan lafadz yang lain (3/341-346). (Penterjemah)

memperdengarkan bunyi itu ketika kematianya dan menjadikan bunyi itu sebagai alamat atau petanda yang buruk baginya.

Kaedah Kelapan: Hikmat Penyembunyian

Di dunia yang menjadi tempat ujian dan medan dugaan ini, Allah SWT yang maha bijaksana lagi maha mengetahui telah menyembunyikan banyak perkara yang amat penting. Namun penyembunyian ini terikat dengan banyak hikmat dan pelbagai kepentingan.

Sebagai contoh: Allah SWT telah menyembunyikan lailatul qadar pada bulan Ramadan, saat doa mustajab pada hari Jumaat, para waliNya yang salih dari kalangan keseluruhan manusia, ajal atau umur manusia, masa berlaku kiamat dan sebagainya.

Jika umur seseorang sudah ditentukan dan diketahui saat ketikanya, nescaya dia akan menghabiskan separuh daripada umurnya dalam kelalaian sepenuhnya, dan separuh umurnya lagi dihabiskan dalam keadaan ketakutan dan kebimbangan sebagaimana seorang yang sedang diheret langkah demi langkah menuju ke tali gantung. Oleh kerana kepentingan untuk mewujudkan keseimbangan di antara dunia dan akhirat, dan agar manusia sentiasa hidup dalam keadaan hatinya berada di antara ‘takut’ dan ‘harap’, maka amatlah perlu manusia itu sentiasa merasakan kemungkinan akan berlaku kematian atau penerusan kehidupannya pada setiap saat. Oleh kerana itu, kehidupan seseorang selama dua puluh tahun yang tidak diketahui penghujung ajalnya adalah jauh lebih baik daripada kehidupan selama seribu tahun yang sudah diketahui bila ajalnya akan berakhir.

Demikianlah juga dengan berlakunya kiamat, yang merupakan ajal atau penghujung umur dunia seluruhnya, yang dunia ini umpama manusia yang besar. Jika ajalnya sudah diketahui dan diisyiharkan, nescaya kurun-kurun pertama dan pertengahan akan tenggelam dalam kelalaian dan kealpaan. Manakala kurun-kurun yang akhir akan hidup dalam kegeruan dan ketakutan. Ini adalah kerana manusia mempunyai hubungan yang amat rapat dengan tempat tinggalnya dan negaranya yang besar itu iaitu dunia dari sudut kehidupan sosial dan kemanusiaannya, sebagaimana ia mempunyai hubungan yang amat rapat dengan tempat tinggal dan negerinya sendiri dari sudut kehidupan harian dan peribadinya.

Firman Allah SWT:



Maksudnya: “Telah hampir saat (kedatangan hari kiamat).”

Oleh itu kita memahami daripada ayat di atas bahawa ‘hampir’ yang disebutkan itu tidaklah bertentangan dengan berlalunya seribu tahun lebih, kerana saat yang dimaksudkan itu ialah ajal umur dunia. Nisbah seribu atau dua ribu tahun bagi umur dunia samalah seperti sehari dan dua hari atau seminit dan dua minit sahaja daripada umur manusia.

Begitu juga sepatutnya tidak luput daripada perhatian kita bahawa hari kiamat bukanlah ajal umur untuk kemanusiaan sahaja sehingga kita boleh bandingkan dekat atau jauhnya dengan umur manusia, bahkan ia adalah ajal umur kehidupan seluruhnya serta langit, bumi dan cakerwala yang mempunyai umur yang panjang sehingga tidak terjangkau oleh bandingan dan perhitungan.

Oleh kerana itulah, Allah SWT tuhan yang maha bijaksana lagi maha mengetahui, menyembunyikan bilakah berlakunya kiamat dengan menempatkannya di dalam ilmuNya sahaja dari kalangan lima perkara ghaib yang disembunyikan. Antara hikmat penyembunyian ini ialah agar manusia yang hidup pada setiap zaman merasa takut dan bimbang terhadap kemungkinan berlakunya kiamat. Bahkan para sahabat RA sendiri pada zaman mereka merupakan golongan yang paling takut dan bimbang terhadap berlakunya kiamat daripada orang lain, sedangkan mereka hidup pada sebaik-baik kurun, iaitu kurun kebahagiaan dan kurun tersingkapnya segala hakikat, sehingga ada di kalangan mereka yang

mengatakan bahawa beberapa tanda dan alamat hari kiamat telah pun berlaku pada zaman mereka. Namun orang-orang yang jahil pada hari ini tentang hikmat kenapa masa berlakunya kiamat itu disembunyikan dan hakikatnya berkata secara zalim: “Bagaimana para sahabat RA boleh menyangka suatu hakikat penting dan besar yang akan berlaku seribu empat ratus kemudian itu hampir dengan zaman mereka, sedangkan mereka adalah orang yang paling mampu dan terbaik untuk mengetahui hakikat dan pengertian yang berkaitan dengan akhirat, dan mereka adalah orang yang paling tajam pemerhatian mata hati dan paling halus perasaan pada petanda-petanda yang akan berlaku pada masa akan datang? Seolah-olah fikiran mereka sudah menyeleweng daripada hakikat sebenarnya sejauh seribu tahun!

Jawapan

Ini adalah kerana para sahabat RA adalah orang yang paling banyak memikirkan tentang akhirat, orang yang paling teguh keyakinan tentang kemusnahan dunia dan orang yang paling luas kefahaman tentang hikmat Allah SWT menyembunyikan tentang waktu tibanya hari kiamat. Itu adalah kerana limpahan nur persahabatan bersama Nabi SAW yang dilimpahkan kepada mereka. Oleh itu, mereka sentiasa menanti-nantikan ajal umur dunia, sentiasa bersedia menghadapi kematiannya sama seperti seorang yang menantikan ajal umurnya sendiri. Oleh kerana itulah mereka sentiasa berusaha bersungguh-sungguh bagi menghadapi akhirat mereka.

Rasulullah SAW juga sentiasa mengulang-ulangi kata-kata:

فانتظروا الساعة

Maksudnya: “...maka tunggulah kamu akan kedatangan kiamat.”

Kata-kata yang selalu diulang-ulangi oleh Rasulullah SAW ini adalah lahir daripada hikmat ini, iaitu hikmat menyembungi dan tidak memberitahu bilakah berlaku hari kiamat. Ia mengandungi panduan nabawi yang mendalam. Ia bukanlah penentuan saat berlakunya kiamat berdasarkan wahyu, agar tidak disangkakan bahawa wahyu ini jauh daripada hakikat sebenarnya, kerana hikmat adalah sesuatu yang berlainan daripada ‘illah (sebab).

Demikianlah hadis-hadis yang seumpama ini adalah lahir daripada hikmat penyembunyian bilakah berlaku kiamat.

Berdasarkan kepada hikmat ini sendiri, manusia sejak zaman dahulu telah menunggu. Bahkan semenjak zaman tabi'in, manusia telah menunggu munculnya al-Mahdi dan al-Dajjal yang disifatkan sebagai al-Sufyani, dengan harapan agar dapat bertemu dengan mereka, bahkan sebahagian para wali yang salih telah mengatakan bahawa waktu mereka telah terlepas!

Hikmat tidak ditentukan waktu kemunculan mereka adalah hikmat yang sama pada tidak menentukan bilakah berlaku hari kiamat yang dapat disimpulkan sebagaimana berikut:

Setiap waktu atau zaman memerlukan kepada ‘pengertian’ al-Mahdi yang menjadi asas kekuatan maknawi dan menyelamatkan diri daripada perasaan kekecewaan. Oleh itu, setiap zaman dan masa perlu memiliki sebahagian daripada pengertian ini. Begitu juga, manusia pada setiap zaman mesti sentiasa berada dalam keadaan sedar dan berhati-hati terhadap individu-individu jahat yang menjadi kepala munafiq dan memimpin gelombang kejahatan yang besar, agar tali kekang jiwanya tidak terbiar dan menjadi tidak dipedulikan.

Jika waktu kemunculan al-Mahdi, al-Dajjal dan seumpamanya adalah daripada individu-individu yang sudah ditentukan, maka akan lenyaplah kepentingan untuk memberikan panduan dan tunjuk ajar.

Manakala rahsia perselisihan yang terdapat dalam periwayatan hadis-hadis yang berkenaan al-Mahdi dan al-Dajjal adalah kerana:

Orang-orang yang mentafsirkan hadis-hadis berkenaan telah mencampuradukkan rumusan-rumusan dan ijtihad-ijtihad peribadi mereka sendiri dengan matan hadis. Sebagaimana pentafsiran mereka bahawa kejadian-kejadian dan peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan al-Mahdi dan al-Dajjal akan berlaku sekitar Syam, Basrah dan Kufah berdasarkan pemahaman mereka, kerana bandar-bandar tersebut terletak di sekitar pusat pemerintahan khilafah pada ketika itu iaitu Madinah dan Syam.

Atau kerana mereka mentafsirkan hadis-hadis yang berkenaan al-Mahdi dan al-Dajjal bahawa kesan-kesan besar yang mewakili keperibadian maknawi mereka atau kumpulan mereka, digambarkan sebagai lahir daripada diri peribadi mereka sendiri, maka difahami bahawa mereka (al-Mahdi dan al-Dajjal) akan muncul dengan kemunculan yang menakjubkan lalu dikenali dengan mudah oleh seluruh manusia, sedangkan sebagaimana yang kami nyatakan sebelum ini, bahawa dunia ini adalah medan ujian dan tempat dugaan, dan bahawa ketika Allah SWT menguji manusia, Dia tidak mencabut kebolehan membuat pemilihan daripada mereka bahkan Dia hanya membuka pintu akal mereka. Oleh itu, al-Mahdi dan al-Dajjal tidak dikenali dan diketahui oleh kebanyakan manusia ketika kemunculan mereka, bahkan al-Dajjal yang menggerunkan itu sendiri tidak tahu bahawa dirinya adalah al-Dajjal pada permulaannya. Mereka hanya dapat dikenali oleh orang-orang yang melihat dan memerhati melalui cahaya keimanan yang menembusi ke dalam batin.

al-Dajjal yang menjadi salah satu daripada tanda kiamat diceritakan tentangnya oleh Rasulullah SAW bahawa satu harinya bersamaan dengan satu tahun, satu hari lagi bersamaan dengan satu bulan, satu hari lagi bersamaan dengan satu minggu, manakala hari-hari yang lain sama dengan hari-hari kamu.⁶ Dunia mendengar suaranya dan dia berkeliaran di atas muka bumi selama empat puluh hari.

Maka golongan yang tidak insaf dan bersifat adil akan berkata: Riwayat ini adalah daripada kategori perkara mustahil lalu mereka mengingkari dan tidak mempercayainya. Maha suci Allah! Bahkan hakikatnya (namun ilmu sebenarnya hanyalah di sisi Allah) adalah seperti berikut:

Sesungguhnya di dalam hadis yang mulia itu, terdapat isyarat yang menunjukkan kepada kemunculan seseorang dari sebelah Utara yang merupakan kawasan dunia kekuatan yang paling padat. Dia memimpin suatu aliran besar yang dilahirkan daripada materialism yang melampau. Dia menyeru kepada atheisme dan mengkufuri tuhan yang maha mencipta. Jadi di dalam hadis ini terdapat isyarat yang menunjukkan bahawa individu tersebut muncul dari kawasan sebelah utara dunia. Isyarat ini mengandungi suatu lambang yang penuh bijaksana, iaitu:

Bahawa tempoh setahun di kawasan yang hampir dengan kutub utara sama dengan sehari semalam sahaja, kerana enam bulan di sana adalah malam dan enam bulan lagi adalah siang. Jadi satu hari al-Dajjal itu adalah setahun sebagaimana dinyatakan dalam hadis. Ini adalah isyarat kepada kemunculannya yang berhampiran dengan kawasan tersebut. Manakala yang dikehendaki dengan satu harinya bersamaan dengan sebulan, ialah bahawa setiap kali kita beralih dari kawasan utara ke arah kawasan (negeri) kita, maka siangnya kadang-kadang sebulan kerana matahari tidak tenggelam selama sebulan di situ pada musim panas. Ini juga adalah isyarat kepada bahawa al-Dajjal akan melalui dunia penuh tamadun setelah kemunculannya di sebelah utara. Isyarat ini difahami daripada penisibahan hari kepada diri al-Dajjal itu sendiri. Demikianlah, setiap kali semakin menurun dari utara ke selatan, kita dapat lihat matahari tidak tenggelam selama seminggu, sehingga perbezaan di antara tenggelam dan terbit matahari hanya tiga jam sahaja, iaitu sama dengan hari-hari kebiasaan yang kita alami. Saya pernah berada di suatu tempat seumpama ini ketika saya menjadi tawanan di Rusia. Matahari tidak tenggelam selama seminggu di suatu tempat yang amat hampir dengan kami, sehingga orang ramai

⁶ Hadis-hadis berkenaan perkara ini amat banyak. Antaranya kami sebutkan di sini: Riwayat Muslim: "Kami berkata: "Wahai Rasulullah SAW. Berapa lama dia (al-Dajjal) akan berada di atas muka bumi?" Baginda menjawab: "Empat puluh hari. Satu hari sama seperti setahun, satu hari sama seperti sebulan, satu hari sama seperti seminggu, dan hari-hari yang lain sama seperti hari-hari biasa kamu." (Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi, jld. 18, hlm. 66). Hadis ini turut dikeluarkan dengan susunan lafaz yang hampir sama oleh Abu Dawud (4321, 4322), dan al-Tirmidhi semuanya daripada hadis al-Nawwas ibn Sam'an RA. (Penterjemah)

keluar beramai-ramai hanya untuk menyaksikan pemandangan matahari tenggelam yang pelik (buat mereka).

Manakala tentang sampainya suara al-Dajjal ke seluruh dunia dan bahawa ia mengelilingi bumi dalam masa empat puluh hari sahaja, maka kemasukan itu telah diselesaikan oleh peralatan radio, komunikasi dan pengangkutan moden seperti keretapi dan kapal terbang. Maka golongan yang mengingkari kedua-dua keadaan ini semalam dan menganggapnya sebagai mustahil dari kalangan mulhid (atheis), pada hari ini mereka melihatnya sebagai suatu perkara yang biasa.

Manakala mengenai Ya'juj dan Ma'juj serta benteng empangan yang menjadi antara tanda hari kiamat, maka saya telah menulis tentang kedua-duanya secara agak terperinci dalam risalah berasingan dan saya berharap agar pembaca dapat merujuknya di sana. Namun di sini saya ingin mengatakan:

Bahawa sebagaimana dua kabilah Mancuria dan Mogul sebelum ini telah membina-sakan masyarakat manusia dan mereka adalah sebab kepada pembinaan empangan Cina, maka terdapat beberapa riwayat yang menunjukkan bahawa apabila hampir berlaku kiamat nanti, tamadun yang baru ini juga akan turut runtuh hasil daripada pukulan tapak-tapak kaki pemikiran mereka sendiri yang bersifat ganas dan semberonoi lagi menggerunkan.

Di sini golongan mulhid (atheis) tertanya-tanya:

Di manakah golongan manusia itu yang telah dan akan melakukan perbuatan-perbuatan ini?

Jawapan:

Sebagaimana belalang adalah penyakit kepada tanaman yang boleh merosakkan satu kawasan tertentu pada musim tertentu kemudian ia akan menghilangkan diri kerana pertukaran musim, maka ciri-ciri golongan manusia yang telah memusnahkan kawasan kediaman mereka itu tersebunyi di celah-celah beberapa individu tertentu di kalangan mereka. Maka penyakit itu boleh muncul berdasarkan arahan ilahi pada musim tertentu dalam bilangan yang amat banyak. Maksudnya hakikat ciri-ciri buruk tersebut hanya menjadi tersebunyi, tidak terhapus keseluruhannya kerana ia akan muncul semula pada musim tertentu.

Sebagaimana keadaannya adalah sedemikian pada belalang, maka kaum-kaum serta bangsa-bangsa yang telah melakukan kerosakan secara besar-besaran di atas muka bumi pada suatu masa dahulu, maka mereka akan muncul kembali pada masa yang ditentukan bagi memberikan kemasuhan kepada kemanusiaan dengan arahan dan kehendak ilahi, lalu mereka akan memusnahkan tamadun kemanusiaan sekali lagi, tetapi kerosakan dan kemasuhan itu dilakukan dengan cara yang lain. Hanya Allah yang mengetahui mengenai perkara ghaib.

Kaedah Kesembilan: Arah Permasalahan Keimanan

Natijah satu bahagian daripada permasalahan-permasalahan keimanan tertuju kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan dunia yang sempit lagi terikat ini. Sedangkan satu bahagian lagi adalah tertuju kepada alam akhirat yang luas dan lapang.

Oleh kerana sebahagian daripada hadis-hadis yang menceritakan tentang amalan-amalan kelebihan (iaitu amalan yang tidak wajib atau dinamakan sebagai *fada'il al-a'mal*) telah digambarkan oleh Rasulullah SAW dengan gaya bahasa balaghah yang sesuai dengan sifatnya sebagai menggalak dan menggerunkan (*al-targhib wa al-tarhib*), maka orang yang tidak mempunyai pandangan yang mendalam menyangka bahawa hadis-hadis itu bersifat keterlaluan! Bahkan tidak! Sesungguhnya semua hadis-hadis tersebut hanya menceritakan hakikat keadaan sebenar dan sedikitpun tidak mengandungi sebarang keterlaluan.

Contohnya: Sesungguhnya yang menyaki dan membangkitkan kemarahan pemikiran golongan yang zalim itu ialah hadis berikut yang bermaksud: “Jika nilai dunia ini di sisi Allah menyamai sebelah sayap nyamuk, nescaya orang kafir tidak dapat meminum seteguk air pun.”⁷

Hakikatnya ialah bahawa perkataan ‘di sisi Allah’ sebenarnya menggambarkan tentang dunia yang kekal abadi. Cahaya yang berpunca daripada alam yang kekal abadi, walaupun hanya sebesar sebelah sayap nyamuk adalah lebih luas dan umum, kerana ia adalah abadi, daripada cahaya yang mempunyai tempoh tertentu sahaja sekalipun ia memenuhi seluruh bumi. Maksudnya hadis ini tidak membuat perbandingan antara sayap nyamuk dan alam yang luas ini, tetapi ia membandingkan dunia setiap individu yang terbatas dalam umurnya yang singkat dengan cahaya yang bersinar secara berkekalan, meskipun hanya sebesar sebelah sayap nyamuk kerana ia terpancar daripada limpahan kurniaan ilahi dan perasaan belas ihsanNya yang menyeluruh.

Kemudian dunia ini mempunyai dua wajah, bahkan tiga:

Pertama: satu wajah seperti cermin yang memantulkan jelmaan nama-nama Allah yang mulia (*al-Asma’ al-Husna*).

Kedua: satu wajah yang melihat kepada akhirat, maksudnya dunia yang menjadi ladang bercucuk tanam bagi mendapat hasilnya di akhirat.

Manakala yang **ketiga**: ialah wajah yang memandang kepada ketiadaan dan kemasuhan. Wajah yang terakhir ini adalah dunia yang tidak diredayi di sisi Allah SWT yang dikenali sebagai dunia ahli kesesatan.

Maka dunia yang disebutkan di dalam hadis yang mulia di atas bukanlah dunia yang besar ini yang umpama cermin bagi *al-asma’ al-husna* dan risalah abadinya, bukan juga dunia yang menjadi ladang bagi akhirat, tetapi ia adalah dunia yang menjadi lawan kepada akhirat dan menjadi punca kepada segala kesalahan dan dosa, serta menjadi sumber kepada segala bala dan bencana. Ia adalah dunia yang menjadi sembahannya ahli dunia yang sama sekali tidak sama dengan sebiji atom daripada alam akhirat yang kekal abadi yang dikurniakan kepada hamba-hamba Allah yang beriman. Betapa jauhnya hakikat yang benar lagi tepat ini dengan kefahaman ahli kesesatan dan kekufuran yang zalim yang menyangka bahawa terdapat keterlaluan di dalam hadis ini dan yang seumpamanya.

Contoh lain: Golongan mulhid (atheis) telah melampau dan berada dalam kesesatan serta penyelewengan apabila mereka menyangka bahawa hadis-hadis berkenaan dengan kelebihan serta pahala amalan-amalan tertentu dan kelebihan sesetengah surah dalam al-Quran sebagai suatu yang keterlaluan dan tidak logik, bahkan mereka mengatakan ia adalah mustahil!

Sebagai contoh, terdapat hadis yang mengatakan bahawa bagi surah al-Fatihah pahala satu al-Quran,⁸ surah al-Ikhlas menyamai satu pertiga al-Quran,⁹ surah al-Zalzalah menyamai satu perempat al-

⁷ Lafaz asal hadis adalah (لو كانت الدنيا تعدل عند الله جناح بعوضة ما سقى كافراً منها شربة ماء) yang bermaksud: “Jika dunia ini menyamai di sisi Allah sebelah sayap nyamuk, nescaya Allah tidak akan memberi minum daripadanya kepada seorang kafir pun.” Hadis saih, dikeluarkan oleh al-Tirmidhi (2422) di dalam al-Tuhfah; Abu Nu‘aym di dalam Hilyat al-Awliya’, jld. 3, hlm. 253; al-Hakim, jld. 4, hlm. 306; Ibn ‘Adi di dalam al-Kamil, jld. 1, hlm. 249; al-‘Uqayli di dalam al-Du‘afa’ dan dinisbahkannya kepada al-Diya’ di dalam al-Mukhtarah; semua mereka daripada hadis Sahl ibn Sa‘d RA, dan al-Tirmidhi berkata: “Ini adalah hadis Hasan gharib daripada wajah ini dan ia dikatakan saih oleh al-Hakim. (Penterjemah)

⁸ Hadis (الحمد لله رب العالمين هي السبع المثاني الذي أوتيته القرآن العظيم) yang bermaksud: “Al-Hamdu lillahi rabb al-‘alamin adalah tujuh ayat yang sentiasa diulang-ulangkan yang dikurniakan kepadaku, bersama-sama dengan al-Quran yang maha agung.” Dikeluarkan oleh al-Bukhari, jld. 6, hlm. 322; Abu Dawud, jld. 1, hlm. 145; al-Nasa’i, jld. 2, hlm. 139; daripada hadis Abu Sa‘id al-Mu‘alla.

⁹ Hadis (قل هو الله احد تعدل ثلث القرآن) yang bermaksud: “Qul huwa Allah ahad menyamai satu pertiga al-Quran”, dikeluarkan oleh al-Bukhari, jld. 6, hlm. 325; Malik dalam al-Muwatta’, Ahmad di dalam al-Musnad, Abu Dawud (1461), al-Nasa’i daripada hadis Abu Sa‘id al-Khudri RA.

Quran,¹⁰ surah al-Kafirun menyamai satu perempat al-Quran,¹¹ dan bagi surah Yasin pahala sepuluh kali al-Quran.¹²

Maka sesiapa yang tidak mempunyai pandangan yang mendalam, tidak bersikap adil dan berhati-hati, mereka akan mendakwa bahawa riwayat-riwayat ini adalah mustahil! Mereka akan berkata bagaimana surah Yasin boleh mempunyai kelebihan sebegini sedangkan ia hanyalah satu surah daripada al-Quran dan ada lagi surah-surah lain yang juga mempunyai kelebihan?!

Sesungguhnya hakikat riwayat-riwayat ini adalah:

Bahawa setiap satu huruf daripada huruf-huruf al-Quran ada balasan pahalanya, iaitu satu ganjaran. Tetapi dengan limpahan kelebihan dan kemuliaan yang diberikan oleh Allah SWT, ganjaran huruf-huruf tersebut menjadi berlipat kali ganda dan kadang-kadang membawa hasil sebanyak sepuluh kali ganda, kadang-kadang tujuh puluh kali ganda, kadang-kadang tujuh ratus kali ganda (sebagaimana huruf-huruf yang terdapat pada ayat Kursi), kadang-kadang seribu lima ratus kali ganda (sebagaimana huruf-huruf surah al-Ikhlas), kadang-kadang sepuluh ribu ganjaran (seperti membaca ayat-ayat al-Quran pada waktu-waktu yang mempunyai kelebihan dan pada malam nisfu Sya'ban), dan kadang-kadang tiga puluh ribu kali ganjaran (sebagaimana pada membaca ayat-ayat al-Quran pada malam lailatul qadar). Demikianlah bagaimana ganjaran-ganjaran ini menjadi berlipat kali ganda sebagaimana bijian popi berkembang biak dengan banyaknya. Mungkin kefahaman bahawa ganjaran boleh menjadi berlipat kali ganda sehingga tiga puluh ribu kali ganda diambil daripada ayat:

ثَذْذَثْ

Maksudnya: “Malam Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan.”

¹⁰ Daripada Anas ibn Malik RA, bahawa Rasulullah SAW berkata kepada seorang lelaki dari kalangan sahabat baginda: “Adakah engkau telah berkahwin, wahai si fulan?” Lelaki itu menjawab: “Demi Allah belum. Aku juga tidak memiliki apa-apa untuk berkahwin.” Rasulullah SAW bertanya lagi: “Bukankah engkau mempunyai *Qul huwa Allah ahad?*” Lelaki itu menjawab: “Ya.” Rasulullah SAW berkata: “Satu pertiga al-Quran.” Rasulullah SAW bertanya lagi: “Bukankah engkau mempunyai *Idha ja' nasr Allah wa al-fath?*” Lelaki itu menjawab: “Ya.” Rasulullah SAW berkata: “Satu perempat al-Quran.” Rasulullah SAW bertanya lagi: “Bukankah engkau mempunyai *Qul ya ayyuha al-kafirun?*” Lelaki itu menjawab: “Ya.” Rasulullah SAW berkata: “Satu perempat al-Quran.” Rasulullah SAW bertanya lagi: “Bukankah engkau mempunyai *Idha zulzilat al-ard?*” Lelaki itu menjawab: “Ya.” Rasulullah SAW berkata: “Satu perempat al-Quran.” Rasulullah SAW berkata: “Berkahwinlah, berkahwinlah.” Dikeluarkan oleh al-Tirmidhi (3058) di dalam al-Tuhfah dan beliau berkata: “Ini adalah hadis hasan.” Dikeluarkan juga oleh Imam Ahmad, jld. 3, hlm. 146-147; al-Khatib di dalam Tarikh Baghdad, jld. 11, hlm. 380; dan hadis ini dinisbahkan oleh al-Hafiz di dalam al-Fath kepada Ibn Abi Shaybah, jld. 9, hlm. 61-62; di keluarkan oleh Abu Shaykh dengan sedikit tambahan pada hadis dan beliau berkata: “Ia adalah hadis da’if kerana kelemahan yang terdapat pada Salamah, sekalipun dikatakan hasan oleh al-Tirmidhi. Saya berkata: “Dan baki perawi adalah thiqah. (Penterjemah)

¹¹ Hadis Ibn ‘Umar: “*Qul huwa Allah ahad* menyamai satu pertiga al-Quran dan *Qul ya ayyuha al-kafirun* menyamai satu perempat al-Quran.” Hadis hasan. Dikeluarkan oleh al-Tabarani dalam al-Kabir (13494), di dalam al-Awsat (66 Majma‘ al-Bahrain) disebutkan secara panjang lebar. Diriwayatkan juga oleh al-Bazzar (512 Zawa’id al-Bazzar). Disebutkan oleh al-Haythami di dalam al-Majma‘, jld. 2, hlm. 90. Katanya: “Pada sanad al-Tabari, terdapat Layth ibn Hammad yang dikatakan da’if oleh al-Daruqutni dan sanad al-Bazzar adalah hasan. Namun muhaqqiq al-Tabarani membuat komentar dengan berkata bahawa pada kedua-duanya terdapat Layth ibn Abi Sulaym dan keadaannya adalah diketahui. Hadis ini disebutkan di dalam Sahih al-Jami‘ al-Saghir dan tambahannya dengan nombor (4281) dan disahihkannya. Lihat al-Sahihah dengan nombor 588. (Penterjemah)

ان لكل شيء قلباً وقلب القرآن يس، ومن قرأ يوماً يس كتب الله له (بقراءة حقاً قراءة القرآن عشر مرات) yang bermaksud: “Sesungguhnya setiap sesuatu mempunyai hati, dan hati al-Quran ialah Yasin. Dan sesiapa yang membaca Yasin, Allah akan menulis baginya dengan sebab membaca surah Yasin itu bacaan sepuluh kali al-Quran.” Dikeluarkan oleh al-Tirmidhi (3048 al-Tuhfah). Katanya: “Ini adalah hadis hasan gharib. Kita tidak mengetahuinya melainkan melalui hadis Humayd ibn ‘Abd al-Rahman, dan di al-Basrah, mereka tidak tahu daripada hadis Qatadah melainkan melalui wajah ini. Manakala Harun Abu Muhammad adalah seorang yang majhul. Hadis ini juga dikeluarkan oleh al-Tirmidhi dengan nombor (3049 al-Tuhfah) dan al-Darimi, jld. 2, hlm. 456.

Demikianlah tidak mungkin melakukan sukatan atau ukuran terhadap al-Quran dengan kewujudan bilangan gandaan yang semakin meningkat bagi ganjaran yang disebutkan. Tetapi sukatan dan ukuran itu hanya boleh dilakukan kepada asal ganjaran bagi sesetengah surah sahaja.

Kami akan jelaskan yang demikian melalui contoh di bawah:

Kita andaikan bahawa sebuah ladang ditanami dengan ribuan bijian jagung. Jika beberapa bijian jagung tersebut sudah menumbuhkan tujuh tangkai dan pada setiap tangkai terdapat seratus bijian, maka satu biji benih sahaja daripada benih jagung tersebut sudah mengeluarkan hasil yang menyamai satu pertiga hasil keseluruhan ladang tersebut.

Jika kita andaikan lagi -sebagai contoh- bahawa satu biji benih yang lain menumbuhkan sepuluh tangkai dan pada setiap tangkai tumbuh pula dua ratus biji, maka satu biji benih sahaja pada ketika itu sudah menyamai sekali ganda bilangan asal biji-biji benih yang ditanam di ladang tersebut.. Maka buatlah perbandingan-perbandingan lain berdasarkan contoh ini.

Sekarang pula marilah kita gambarkan al-Quran sebagai sebuah ladang akhirat, ladang langit (*samawi*), ladang cahaya (*nurani*) lagi suci. Setiap huruf daripadanya mempunyai ganjaran asal yang menyamai satu biji benih -tanpa memandang kepada bilangan tangkainya-. Jika anda mengukur, menyukat dan membuat perbandingan berdasarkan contoh di atas, anda boleh mengetahui kelebihan surah-surah yang disebutkan di dalam hadis-hadis tertentu itu, dengan membandingkannya dengan ganjaran asal setiap huruf al-Quran.

Contohnya: Huruf al-Quran al-Karim berjumlah tiga ratus ribu enam ratus dua puluh huruf (300,620). Manakala huruf-huruf surah al-Ikhlas berserta Basmalah berjumlah enam puluh sembilan (69) huruf. Maka tiga kali ganda bagi enam puluh sembilan (69) menyamai dua ratus tujuh (207) huruf. Maknanya ganjaran setiap huruf daripada surah al-Ikhlas menghampiri seribu lima ratus (1500) kebaikan. Demikian juga jika anda mengira huruf-huruf surah Yasin dan anda mengambil nisbah di antaranya dengan keseluruhan huruf-huruf al-Quran, serta kita mengambil kira gandaan sehingga sepuluh kali ganda, maka kita akan dapat setiap huruf mempunyai hampir lima ratus (500) ganjaran kebaikan.

Jika anda membandingkan hadis-hadis lain yang berkenaan dengan kelebihan surah-surah tertentu berdasarkan perkiraan di atas, anda akan dapat sejauh mana ia adalah hakikat yang benar lagi halus, dan betapa ia adalah jauh daripada sebarang tanda yang menunjukkan kepada keterlaluan atau keterlampauan dalam perkataan yang digunakan.

Kaedah Kesepuluh: Balaghah Bertujuan Tunjuk Ajar

Kadang-kadang lahir perbuatan-perbuatan di luar kebiasaan manusia daripada sesetengah orang, sebagaimana ia turut berlaku di kalangan kebanyakan kumpulan makhluk Allah yang lain. Jika individu yang mempunyai sesuatu yang luar biasa itu mengatasi orang lain dan teristimewa daripada mereka dari sudut kebaikan dan kesolehan, maka keadaan itu akan menjadi kebanggaan kepada seluruh kaumnya. Tetapi jika sebaliknya, ia menjadi amaran kemungkinan keburukan dan bala bencana akan menimpah mereka. Setiap orang yang istimewa itu akan tersebar sebagai peribadi maknawi di setiap tempat dalam masyarakat. Manakala orang lain akan cuba meniru dan mengikut segala perbuatannya dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai sebagaimana kedudukannya. Bahkan kadang-kadang salah seorang daripada mereka berjaya mencapai kedudukannya dalam manama perbuatannya. Jadi isunya dari sudut logik ialah isu ‘kemungkinan’ mewujudkan individu yang mempunyai keajaiban itu di setiap tempat dengan kewujudan yang tersembunyi dan mutlak, iaitu ia menjadi seorang individu menyeluruh dengan amalannya itu, atau dengan lain perkataan bahawa adalah satu perkara yang mungkin untuk mewujudkan suatu amalan itu hasil daripada keadaan tersebut.

Berdasarkan contoh di atas, lihatlah kepada hadis-hadis Nabi SAW yang menyentuh tentang hakikat-hakikat ini, antaranya: “Sesiapa yang bersembahyang demikian dua rakaat, maka baginya satu haji,¹³ yakni pahala dua rakaat pada waktu-waktu tertentu menyamai pahala melakukan satu haji. Ini adalah satu hakikat yang teguh. Maka adalah suatu yang mungkin dan boleh berlaku bahawa dua rakaat sembahyang keseluruhannya mengandungi makna ini, tetapi kejadian sebenar bagi riwayat-riwayat seumpama ini bukanlah sentiasa berlaku dan bukanlah bersifat menyeluruh, kerana untuk menjadikannya dimakbulkan memerlukan kepada beberapa syarat tertentu. Oleh itu, riwayat-riwayat seumpama ini tidaklah bersifat menyeluruh dan tidaklah sentiasa berlaku. Ia sama ada mempunyai waktu tertentu dan bersifat mutlak, atau ia adalah suatu yang mungkin berlaku tetapi bersifat menyeluruh. Maksud sifat menyeluruh di sini ialah dari sudut ia adalah suatu yang mungkin boleh berlaku dari sudut perkiraan, sebagaimana ayat ‘mengumpat sama seperti membunuh’, iaitu dengan mengumpat seseorang menjadi sama seperti racun berbisa yang membunuh. Sebagaimana juga ayat ‘perkataan yang baik adalah sedekah seperti memerdekaan hamba’.

Hikmat kenapa hadis-hadis tersebut didatangkan dalam bentuk ini:

Bagi mempamerkan bahawa sifat maknawi yang sempurna ini boleh berlaku pada setiap tempat dan dalam bentuknya yang mutlak, kerana ia lebih kuat dan tegas pada memberikan galakan dan ancaman, serta lebih kuat menggesa jiwa untuk melakukan kebaikan dan menjauhkannya daripada kejahanan.

Seperkara lagi, hal ehwal alam yang abadi tidak boleh diukur dengan ukuran dunia kita sekarang ini. Kerana benda yang paling besar di sisi kita mungkin hanyalah benda yang paling kecil di sana dan tidak boleh menyamainya sama sekali. Oleh kerana pahala amalan ada hubungan dengan alam yang abadi itu, maka pandangan keduniaan kita yang sempit menjadi pandangan yang singkat, lalu dengan akal yang terbatas, kita tidak mampu untuk mengerti dan memahaminya.

Sebagai contoh: Terdapat riwayat yang menarik perhatian golongan yang tidak mempunyai pandangan yang berhati-hati dan tidak berlaku adil dalam keputusan mereka, iaitu:

Sesiapa yang membaca sekian-sekian, dia akan diberikan seumpama pahala Nabi Musa dan Nabi Harun AS. Bacaan itu ialah:

Maksudnya: “Segala puji bagi Allah, tuhan segala langit dan tuhan segala bumi, tuhan sekalian alam. BagiNya segala kebesaran di langit dan bumi. Dialah tuhan yang maha mulia lagi maka bijaksana. Segala puji bagi Allah tuhan segala langit dan tuhan segala bumi, tuhan sekalian alam. BagiNya segala kebesaran di langit dan di bumi. Dialah tuhan yang maha mulia lagi maha bijaksana. BagiNya segala kekuasaan. Tuhan segala langit dan dialah tuhan yang maha mulia lagi maha bijaksana.”

Hakikat hadis ini dan hadis-hadis lain seumpamanya yang membangkitkan akal ialah:

Sesungguhnya kita tidak dapat menanggapi sejauh mana atau sebesar mana pahala yang diperolehi oleh dua orang nabi yang agung itu iaitu Nabi Musa dan Nabi Harun AS, melainkan berdasarkan gambaran, rangka kefahaman kita yang sempit dan sempadan pandangan keduniaan kita yang terbatas. Oleh itu, hakikat pahala yang diperolehi oleh seorang hamba yang lemah selemah-lemahnya, dengan membaca wirid tersebut, daripada tuhan yang maha permurah lagi luas rahmatNya, pada kehidupan

¹³ من صلی اللہ علیہ وسّع النّعْمٰن فی جماعتہ فی میانہ نماز جمعۃ الہیجۃ تطلع (Daripada Abu Umamah RA, katanya: “Rasulullah SAW bersabda) yang bermaksud: “Sesiapa yang bersembahyang subuh berjamaah kemudian dia duduk berzikir kepada Allah sehingga terbit matahari, kemudian dia bangun lalu menunaikan sembahyang dua rakaat, dia akan mendapat pahala sekali haji dan umrah.” Dikeluarkan oleh al-Tabarani di dalam al-Kabir (7740), dan di dalam Musnad al-Shamiyyin (885). al-Hafiz al-Mundhiri berkata di dalam al-Targhib wa al-Tarhib: “Sanadnya baik, dan begitu juga perkataan al-Haythami di dalam al-Majma‘, jld. 10, hlm. 104. Lihat hadis-hadis berkenaan perkara tersebut di dalam Sahih al-Targhib wa al-Tarhib pada nombor-nombor 468, 469 dan 470. (Penterjemah)

yang kekal abadi, mungkin adalah sama dengan pahala kedua-dua orang nabi itu sebagaimana yang dapat ditanggapi oleh akal kita yang terbatas berdasarkan daerah ilmu dan ufuk pemikiran kita sendiri.

Perumpamaan kita dalam hal ini samalah seperti seorang kampung yang tidak pernah bertemu dengan raja bahkan tidak tahu tentang kehebatan dan kebesarannya. Pada pandangannya yang sempit dan pemikirannya yang terbatas, raja hanyalah sama seperti seorang ketua kampung atau lebih tinggi sedikit kedudukannya daripada ketua kampung. Bahkan terdapat di sekeliling kita sendiri di timur Anatolia orang-orang kampung yang naif berkata: “Raja duduk berhampiran dengan pemanggang api dan memasak sendiri makanannya.” Maksudnya, bagi seorang kampung, paling tinggi tanggapannya terhadap seorang raja hanyalah menyamai ketua sebuah batalion di dalam tentera. Jika salah seorang daripada mereka diberitahu: “Jika engkau telah menyelesaikan tugas ini, saya akan berikan ganjaran dengan melantik engkau sebagai seorang raja (iaitu ketua sebuah batalion sebagaimana pandangannya)”, maka perkataan ini adalah hakikat dan kebenaran, kerana kehebatan raja pada pemikiran orang yang mendengarnya dan pada pandangannya yang terbatas hanyalah sama dengan kehebatan seorang ketua batalion sahaja.

Demikianlah juga dengan kita. Kita hampir-hampir tidak memahami -sebagaimana si orang kampung ini- tentang hakikat-hakikat yang menyentuh pahala amalan-amalan yang tertuju kepada akhirat berdasarkan akal kita yang sempit dan pemikiran kita yang terbatas serta pandangan keduniaan kita yang tumpul, kerana apa yang terdapat di dalam hadis tersebut bukanlah mengadakan perbandingan di antara pahala sebenar yang diperolehi oleh Nabi Musa dan Nabi Harun AS yang tidak diketahui di sisi kita, dengan pahala yang diperolehi si hamba yang berzikir dengan wirid tersebut. Ini adalah kerana kaedah melakukan perbandingan ialah mengukur sesuatu yang tidak diketahui dengan membandingkannya dengan suatu yang diketahui. Yakni, perbandingan adalah di antara pahala kedua-dua nabi tersebut yang diketahui oleh kita berdasarkan tanggapan kita, dengan pahala sebenar bagi seseorang hamba yang berzikir dengan wirid tersebut, yang mana pahalanya adalah tidak diketahui di sisi kita.

Kemudian lagi, gambaran matahari yang terpantul di atas permukaan laut dan pada setitis air adalah sama. Perbezaan hanya dari sudut jenisy sahaja. Kedua-duanya memantulkan gambaran matahari dan cahayanya. Oleh itu, ruh Nabi Musa dan Nabi Harun AS yang ia adalah cermin yang suci umpama laut memantulkan hakikat pahala yang sama sebagaimana dipantulkan oleh ruh hamba yang berzikir yang umpama setitis air itu. Kedua-duanya adalah pahala yang sama dari sudut hakikat dan kuantiti, namun yang berbeza hanyalah jenis sahaja, kerana ia mengikut kapasiti masing-masing.

Kemudian lagi, pengulangan zikir dan tasbih tertentu atau pembacaan suatu ayat, kadang-kadang boleh membuka pintu-pintu rahmat dan kebahagiaan yang tidak dapat dibuka oleh ibadat yang dilakukan enam puluh tahun. Yakni, terdapat beberapa keadaan di mana satu ayat sahaja sudah dapat memberikan faedah sebagaimana dapat diberikan oleh al-Quran keseluruhannya.

Kemudian lagi, limpahan-limpahan rabbani yang terjelma pada Rasulullah SAW dengan membaca satu ayat sahaja, kadang-kadang sama dengan limpahan ilahi yang sempurna terhadap seorang nabi lain. Ini adalah kerana Rasulullah SAW adalah tempat jatuhnya jelmaan nama Allah yang paling agung. Oleh itu, jika dikatakan bahawa seseorang hamba yang berzikir terdedah kepada pemberian di bawah naungan nama Allah yang paling agung dengan kelebihan pewarisan kenabian dan dia mendapat pahala berdasarkan kesediaan dan kapasitinya, sama dengan limpahan ilahi yang diperolehi oleh seorang nabi lain, maka kata-kata itu sedikitpun tidak bercanggah dengan hakikat kebenaran.

Kemudian lagi, pahala dan ganjaran adalah daripada alam nur yang abadi yang mungkin satu alam daripadanya hanya terbatas di dalam satu atom sahaja, sama seperti terbatasnya gambaran langit dengan segala bintang dan planetnya pada sekeping kaca yang kecil sehingga semuanya dapat dilihat pada kepingan tersebut. Demikianlah, membaca satu ayat atau melakukan zikir tertentu dengan niat yang ikhlas, mungkin boleh melahirkan kejernihan pada ruh sama seperti kaca sehingga mampu mencakupi pahala nurani umpama langit yang terbentang luas.

Natijah

Wahai orang yang melihat kepada semua perkara dengan pandangan kritikal dan bantahan tanpa meneliti terlebih dahulu! Wahai orang yang mempunyai iman yang lemah dan pemikiran yang penuh dengan falsafah kebendaan! Bertindak adillah sedikit! Berilah perhatian kepada kesemua sepuluh kaerah ini. Awaslah daripada anda menghulurkan jari anda bagi membantah hadis-hadis tersebut yang akibatnya boleh mencacatkan kedudukan ‘ismah’ (terpelihara) baginda dengan hujjah bahawa ia bertentangan secara pasti dengan hakikat realiti dan bersalahan dengan kebenaran.

Kesemua sepuluh kaerah ini dan medan pelaksanaannya, pertamanya menjadikan anda tidak boleh mengingkari dan menahan anda daripada menolaknya. Kemudian ia berbicara dengan anda: Jika benar terdapat kecuaian sebenar, maka ia kembali kepada kita, iaitu kepada kaerah-kaerah ini, bukan kepada hadis-hadis yang mulia itu sama sekali. Jika tidak terdapat kecuaian sebenar pada kaerah-kaerah itu, maka ia adalah berpunca daripada kesilapan fahaman anda sendiri!

Kesimpulan

Sesungguhnya sesiapa yang terus mengingkari dan menolak, dia hendaklah membantah kesemua sepuluh kaerah di atas. Jika dia tidak mampu menolaknya, maka dia tidak boleh mengingkari hadis-hadis tersebut.

Jika benar anda seorang yang bersikap adil, perhatikanlah baik-baik kepada sepuluh kaerah tersebut. Selepas itu, janganlah anda mengingkari mana-mana hadis Nabi SAW yang akal anda memandangnya bersalahan dengan hakikat kebenaran. Bahkan anda hendaklah berkata: Mungkin terdapat tafsiran, takwil dan ta‘bir tertentu. Janganlah anda membantah!

Kaedah Kesebelas: Hadis yang *Mutashabihat*

Sebagaimana di dalam al-Quran al-Karim terdapat ayat-ayat yang *mutashabihat* (tidak jelas kehendaknya) yang memerlukan kepada pentakwilan atau penyerahan secara mutlak, maka begitu juga perkara yang sama berlaku kepada beberapa hadis yang bersifat demikian sehingga kadang-kadang memerlukan kepada pentafsiran dan ta‘bir yang teliti. Mungkin contoh-contoh berikut sudah memadai:

Ya, sesungguhnya seseorang yang sedar (tidak tidur) boleh mentafsir atau menta‘bir mimpi seseorang yang tidur. Sedangkan seorang yang tidur yang mungkin dapat mendengar suara orang-orang di sekitarnya lalu percakapan orang-orang yang tidak tidur di sekelilingnya dapat digambarkan dalam suatu bentuk tertentu atau dita‘birkannya dalam keadaan yang sesuai dengan keadaan tidurnya.

Maka wahai orang yang ditidurkan oleh kealpaan dan falsafah material! Wahai orang yang tidak bersikap adil! Sesungguhnya Rasulullah SAW yang difirmankan oleh Allah SWT yang bermaksud “penglihatannya tidak berkisar daripada menyaksikan dengan tepat, dan tidak pula melampaui batas” (Surah al-Najm, ayat 17) dan baginda sendiri bersabda tentang dirinya yang bermaksud “mataku tidur tetapi hatiku tidak tidur”¹⁴ adalah orang yang jaga (tidak tidur) dengan sebenar-benar jaga. Maka janganlah anda mengingkari apa yang baginda lihat dan nampak. Bahkan cubalah untuk menta‘birnya dengan sebaik-baiknya dalam mimpi anda. Bersungguh-sungguhlah untuk memperoleh tafsirannya. Kerana jika seekor nyamuk menggigit seorang yang sedang tidur, maka kesannya akan kelihatan pada dirinya seolah-olah dia mendapat kecederaan dalam peperangan. Jika dia ditanya tentang kesan tersebut setelah dia bangun daripada tidurnya, dia akan berkata: “Ya, aku tadi berada dalam satu

¹⁴ Dikeluarkan oleh Imam Ahmad, jld. 2, hlm. 151, 438, dan sanadnya adalah hasan kerana Ibn ‘Ajlan. Dikeluarkan juga oleh Ibn Hibban (2124). Tetapi hadis ini mempunyai beberapa hadis lain yang meningkatkan darjatnya kepada darjat sahih. Antaranya hadis yang dikeluarkan oleh al-Bukhari dan al-Nasa’i daripada hadis ‘A’ishah RA, dan hadis lain yang dikeluarkan oleh al-Bukhari daripada hadis Anas RA, dan satu lagi daripada hadis Ibn ‘Abbas RA yang dikeluarkan oleh Imam Ahmad, jld. 10, hlm. 273, dan al-Tirmidi (5121), dan al-Tirmidhi berkata: “Hadis ini adalah hadis hasan sahibh gharib.” Lihat al-Majma’, jld. 8, hlm. 242, al-Tabaqat, Ibn Sa‘d, jld. 1, hlm. 107. (Penterjemah)

peperangan yang sengit. Semua meriam dihalakan kepadaku!” Manakala orang lain yang jaga yang mendengar kata-katanya itu akan mentertawakannya melihatkan keadaannya yang gementar. Oleh itu, pandangan kealpaan yang tidur, juga falsafah kebendaan, tidak mungkin sama sekali boleh dijadikan ukuran bagi menentukan hakikat-hakikat kenabian.

Kaedah Kedua Belas: Perbezaan Sudut Pandangan

Pandangan kenabian, tauhid dan keimanan melihat kepada perkara-perkara hakikat berdasarkan nur uluhiyah, akhirat dan kesatuan alam, kerana ia tertuju kepada perkara-perkara tersebut. Manakala ilmu sains percubaan dan falsafah moden pula melihat kepada semua perkara dari sudut pelbagai sebab-sebab material dan tabiat semulajadi kerana ia tertuju kepadanya. Maka jarak di antara kedua-dua sudut pandangan tersebut adalah amat jauh berbeza. Mungkin terdapat satu matlamat yang besar lagi utama di sisi ahli falsafah, tetapi ia hanyalah kecil dan kerdil, sehingga kadang-kadang tidak mendapat tempat di sisi ulama usuluddin dan ilmu al-kalam. Oleh kerana itulah, para ilmuan sains cubaan kelihatan amat maju dalam mengetahui ciri-ciri khusus setiap benda, huraiannya dan sifat-sifatnya yang halus, namun mereka amat ketinggalan dalam bidang ilmu yang hakiki iaitu ilmu ketuhanan yang agung dan pengetahuan berkaitan dengan akhirat sekalipun jika dibandingkan dengan seorang beriman yang mempunyai ilmu dan keimanan yang paling minimum.

Maka golongan yang tidak mengetahui rahsia ini, mereka menyangka bahawa ulama Islam terkemudian daripada para saintis tabiat semulajadi dan ahli-ahli falsafah. Sedangkan orang-orang yang akal mereka turun hanya ke mata, mereka tidak lagi berfikir melainkan terhadap apa yang mereka lihat dan nampak sahaja. Mereka tenggelam di kalangan makhluk Allah yang banyak itu. Bagaimanakah mereka boleh mencapai tahap pewaris para nabi AS yang telah mencapai matlamat ilahi yang tinggi lagi mulia dan agung?

Kemudian jika pandangan itu dilakukan daripada dua sudut yang berlainan, maka tidak syak lagi akan melahirkan dua hakikat yang bertentangan, dan kadang-kadang kedua-duanya adalah hakikat. Namun perlu ditegaskan, hakikat ilmiah yang pasti tidak akan bertentangan dengan hakikat nas-nas al-Quran yang suci, kerana tangan ilmu sains cubaan yang pendek itu pasti tidak akan mampu mencapai tepian sempadan hakikat al-Quran yang maha tinggi dan suci itu. Kami akan membawa satu contoh sahaja berkenaan dengan hal ini:

Hakikat bebola bumi pada pandangan ahli sains adalah:

Ia adalah sebuah planet yang mempunyai saiz yang sederhana. Ia berputar sekitar matahari. Ia adalah jirim yang kecil jika dibandingkan dengan planet dan bintang yang lain yang bilangannya tidak terkira banyaknya itu.

Tetapi jika kita memandang kepada bebola bumi menurut pandangan ahli al-Quran, maka hakikatnya ialah sebagaimana telah dijelaskan oleh ‘Kalimah Kelima Belas’:

Bahawa manusia yang merupakan buah alam yang paling halus, adalah suatu mukjizat tuhan yang maha berkuasa dan maha bijaksana. Ia adalah mukjizat yang merangkumi dan mencakupi segala mukjizat yang lain. Manusia juga adalah makhluk yang paling indah, mulia dan lemah lembut, meskipun ia adalah makhluk yang paling lemah.. Manusia ini hidup di atas bumi. Maka bumi adalah tempat manusia ini hidup. Bumi ini meskipun kecil dan hina berbanding dengan langit yang terbentang luas itu, ia adalah besar dan agung dari sudut makna, tujuan dan penciptaan, sehingga menurut pandangan al-Quran, bumi ini adalah:

Jantung alam dan pusatnya yang maknawi.. Tempat pameran dan pembentangan segala makhluk yang dijadikan Allah dan mukjizatNya.. Tempat penjelmaan keseluruhan *al-Asma’ al-Husna* (nama-nama Allah yang maha agung), sehingga seolah-olah ia adalah paksi yang menghimpunkan segala cahaya tersebut.. Bumi juga adalah tempat dikumpulkan segala perbuatan rabbani yang mutlak dan cerminannya.. Ia juga adalah pasar yang luas bagi menampilkan sifat ‘mencipta’ ilahi yang mutlak,

terutamanya bagaimana ia mengada dan mewujudkan pelbagai jenis tumbuhan dan haiwan seni dengan sifatnya yang penuh pemurah dan mulia.. Ia juga adalah sampel kecil bagi benda-benda yang diciptakan bagi alam akhirat yang luas lagi lapang.. Ia juga adalah kilang yang beroperasi dengan kelajuan yang amat tinggi bagi menghasilkan tenunan-tenunan yang kekal abadi.. Ia juga adalah tempat pameran bagi beberapa contoh pemandangan yang abadi dan bertukar ganti dengan kelajuan yang tinggi.. Ia juga adalah ladang sempit dan sementara bagi menumbuhkan biji-biji benih yang dijaga bagi membesar dengan cepat bagi ladang-ladang yang kekal abadi lagi indah berseri.

Oleh kerana semua inilah al-Quran menjadikan bumi ini sebagai gandingan kepada langit, dari sudut keagungan hakikatnya dan dari sudut kepentingan kejadiannya. Seolah-olah ia adalah buahan kecil bagi pohon yang amat besar. Oleh sebab itulah ia disebut oleh al-Quran bersekali dengan langit. Bumi berada di satu pihak, manakala langit keseluruhannya pula di satu pihak yang lain. Begitulah bagaimana ayat-ayat al-Quran sentiasa mengulangi:



Maksudnya: "Tuhan segala langit dan bumi."

Maka bandingkanlah segala masalah-masalah lain berdasarkan keadaan di atas, dan fahamilah:

Bahawa segala hakikat yang mati dan kaku bagi falsafah, tidak mungkin bertembung dengan hakikat al-Quran yang hidup dan bercahaya. Kedua-duanya adalah hakikat, tetapi perbezaan adalah daripada sudut pandangan, lalu kelihatan hakikat-hakikat tersebut saling bertentangan.

Masalah Kedua daripada Warkah Kedua Puluh Lapan

Perbincangan sekitar satu hadis

“Saya menulis masalah ini bagi menyelesaikan satu kemosykilan dan memberhentikan satu perdebatan yang berlaku sekitar satu hadis yang menyebutkan bahawa Sayyidina Musa AS telah menampar mata Sayyidina ‘Izra’il AS.”¹⁵

Saya mendengar bahawa satu perdebatan ilmiah telah berlaku di suatu tempat bernama Egridir.¹⁶ Sesungguhnya mengadakan perdebatan tersebut adalah satu tindakan yang salah, terutamanya pada waktu ini.

Saya juga ditanya dan saya tidak tahu tentang perdebatan tersebut. Mereka menunjukkan kepada saya satu hadis¹⁷ di dalam sebuah kitab yang dipercayai dan muktamad. Di dalam kitab tersebut, hadis itu diberikan tanda huruf *qaf* bagi menunjukkan bahawa ia adalah hadis yang disepakati (*muttafaq ‘alayh*).. Mereka bertanya kepada saya: “Adakah ini hadis atau bukan?”

Saya berkata kepada mereka: “Ya! Ia adalah hadis. Anda seharusnya menerima dan percaya terhadap pengarang kitab yang muktamad ini, yang menghukumkan hadis tersebut sebagai disepakati oleh Imam al-Bukhari dan Muslim.. Tetapi sebagaimana di dalam al-Quran terdapat ayat-ayat yang *mutashabihat* (yang memerlukan pentafsiran), maka begitu juga di dalam hadis terdapat hadis-hadis yang *mutashabihat* dan makna-maknanya yang halus hanya diketahui oleh ulama-ulama yang pakar dan mendalam ilmunya sahaja.”

Saya juga berkata: “Mungkin zahir hadis ini termasuk dalam kategori hadis yang *mutashabihat* dari kalangan hadis yang mengandungi kemosykilan (*mushkilat al-hadith*).”

Jika saya mengetahui tentang perdebatan yang berlaku berkenaan hadis tersebut, nescaya saya tidak akan berpada dengan jawapan yang telah saya berikan itu, bahkan saya akan menjawab sebagaimana berikut:

Pertama: Bahawa syarat pertama untuk berdebat tentang masalah ini dan yang seumpamanya adalah:

Hendaklah muzakarah itu berlaku dalam suasana yang adil dengan niat untuk mencari kebenaran.. bukan dalam keadaan yang bercirikan ‘hendak menang’.. hendaklah di antara orang yang pakar dan ahli untuk berbincang.. bukan menjadi sarana untuk salah faham dan silap memahami.

¹⁵ Ibn Kathir berkata di dalam tafsirnya (jld. 3, hlm. 458): “Dalam beberapa *athar*, ia dinamakan sebagai ‘Izra’il dan nama inilah yang masyhur. (Penterjemah)

¹⁶ Sebuah pusat bandar di selatan Turki berdekatan dengan Parla, tempat Ustaz Badi‘ al-Zaman Sa‘id al-Nursi dibuang daerah. (Penterjemah)

¹⁷ Nas hadis yang diperdebatkan itu ialah: أَرْسَلَ مَلِكُ الْمَوْتِ إِلَى مُوسَىٰ عَلَيْهِمَا السَّلَامُ، فَلَمَّا جَاءَهُ فَرَجَعَ إِلَى رَبِّهِ، فَقَالَ: أَرْسَلْنِي إِلَى عَبْدٍ لَا يَرِيدُ الْمَوْتَ. فَرَدَ اللَّهُ عَزَّوَجَلَ عَلَيْهِ عَيْنِهِ، وَقَالَ: ارْجِعْ قَفْلَ لَهُ يَضْعُ يَدِهِ عَلَى مَنْ تُورِّ، فَلَهُ بِكُلِّ مَا غَطَّتْ بِهِ يَدِهِ بِكُلِّ شَعْرَةٍ سَنَةٍ، قَالَ: أَيْ رَبِّ ثُمَّ مَاذ؟ قَالَ: ثُمَّ الْمَوْتُ. قَالَ: فَالآنَ فَسَأَلَ اللَّهُ أَنْ يَدِنِيهِ مِنَ الْأَرْضِ الْمَقْدَسَةِ رَمِيَّةً بِحَجْرٍ. قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: فَلَوْ كُنْتَ ثُمَّ لَأُرِتَكُمْ قَبْرَهُ إِلَى جَانِبِ الطَّرِيقِ عِنْدَ الْكَثِيبِ الْأَحْمَرِ عَلَيْهِ اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ katanya: “Malaikat maut diutuskan kepada Nabi Musa AS. Apabila malaikat datang kepada Nabi Musa, Nabi Musa memukul mata malaikat tersebut, lalu malaikat itu kembali kepada tuhannya dan berkata: “Engkau mengutuskan kepada seorang hamba yang tidak mahu mati.” Lalu Allah mengembalikan semula matanya dan berfirman: “Kembali semula kepadanya dan beritahu kepadanya agar dia meletakkan tangannya di atas belakang seekor lembu jantan.” Abu Hurayrah RA berkata: “Rasulullah SAW bersabda: “Jika aku berada di sana ketika itu, nescaya aku akan menunjukkan kepada kamu kuburnya di tepi jalan dekat dengan busut berwarna merah.” Diriwayatkan oleh al-Bukhari 1339 dan 3407, Muslim 2372, Ahmad 157 dan 158, al-Nasa'i 4/118,119, al-Bayhaqi 120. Lihat komentar yang berharga oleh al-Hafiz dalam al-Fath 7/442 terhadap hadis ini.

Jika syarat-syarat tersebut dipenuhi, mungkin perdebatan masalah ini dan yang seumpamanya dibolehkan.

Manakala tanda yang menunjukkan bahawa sesuatu perdebatan itu dilakukan hanya bertujuan untuk mencari kebenaran ialah:

Hendaklah orang yang berdebat itu tidak menyimpan sebarang perasaan yang tidak baik di dalam hatinya.. Dia tidak merasa sakit hati atau merasa sensitif jika kebenaran berada di pihak lain, bahkan dia hendaklah menerima dengan reda dan tenang, kerana dia telah memperolehi satu ilmu yang belum diketahuinya, dan kerana jika kebenaran berada pada pihaknya sekalipun, dia tidak mendapat apa-apa ilmu yang baru, bahkan mungkin dia akan ditimpakan perasaan bangga diri pula.

Kedua: Jika tajuk yang menjadi perdebatan adalah berkenaan dengan hadis, maka sepatutnya diketahui terlebih dahulu martabat hadis, menguasai darjat-darjat wahyu yang tidak dinyatakan secara terang dan bahagian-bahagian hadis nabi.

Tidak boleh bagi sesiapapun untuk berbincang tentang *mushkilat al-hadith* di hadapan orang awam.. dan tidak boleh bagi sesiapapun untuk mempertahankan pendapatnya semata-mata kerana mahu menunjukkan kelebihannya daripada orang lain.. tidak boleh bagi sesiapapun mencari dalil-dalil untuk mentarjihkan (menguatkan) pandangannya dan menyuburkan perasaan bangga dirinya berhadapan dengan kebenaran dan keadilan.

Tetapi oleh kerana isu ini telah dikemukakan dan telah menjadi bahan perbincangan umum, maka kesannya yang buruk akan menjelaskan kefahaman orang-orang awam yang tidak mampu memahami hadis-hadis *mutashabihat* yang seumpama ini.

Kerana jika sesiapa mengingkarinya, maka dia telah membuka bagi dirinya satu pintu kemasuhan dan kerugian, kerana keingkaran ini akan membawa kepada keingkaran hadis-hadis lain yang sahih lagi *thabit*. Jika dia menerima makna zahir yang ditunjukkan oleh hadis-hadis itu sekalipun, lalu dia bercakap dan menyebarkannya di kalangan orang awam, ia juga akan membuka pintu kepada bangkangan ahli kesesatan terhadap hadis tersebut, lalu mereka melepaskan lidah mereka sewenang-wenangnya untuk memburuk-burukannya dan mengatakan bahawa hadis ini hanyalah khurafat!

Oleh kerana perhatian telah tertumpu kepada hadis yang *mutashabih* ini tanpa alasan, bahkan keadaan ini lebih banyak mendatangkan kemudarat, dan bahawa terdapat banyak hadis-hadis lain yang seumpamanya, maka perlulah di sini untuk menerangkan satu ‘hakikat’ bagi menolak keraguan dan menghilangkan syak, maka saya berkata bahawa membentangkan hakikat ini adalah satu keperluan tanpa memandang kepada adakah hadis itu sabit kesahihannya atau tidak.

Kami akan mengisyaratkan kepada hakikat tersebut secara ringkas sahaja, kerana berpada dengan huriahan-huriahan yang telah kami sebutkan di dalam Rasa’il al-Nur (antaranya dahan ketiga daripada Kalimah Kedua Puluh Empat, juga dahan keempat daripadanya, dan asas yang khusus tentang bahagian-bahagian wahyu pada mukadimah Warkah Kesembilan Belas).

Hakikat tersebut ialah:

Sesungguhnya malaikat tidak terbatas dalam satu bentuk sahaja seperti manusia. Tetapi mereka adalah menyeluruh meskipun mereka mempunyai bentuk yang tersendiri.

Malaikat ‘Izra’il AS adalah ketua para malaikat yang ditugaskan untuk mengambil nyawa.

Soalan:

Adakah ‘Izra’il sendiri yang mencabut nyawa, atau para malaikat di bawahnya yang melakukannya?

Jawapan:

Terdapat tiga jawapan bagi soalan di atas:

Pertama:

Sesungguhnya malaikat ‘Izra’il sendiri mencabut nyawa setiap individu. Namun ini tidaklah menegah daripada dia mencabut nyawa di tempat yang berlainan pada satu masa kerana kejadiannya adalah daripada cahaya. Sesuatu yang bercahaya (*nurani*) boleh berada dan berupa apa sahaja dan di mana sahaja tanpa batasan, dengan perantaraan cermin-cermin yang juga tidak terbatas. Itulah ciri-ciri khusus penjelmaan sesuatu yang bersifat nurani. Ia sendiri menjelma di mana-mana, bukan yang lain. Begitu juga dengan jelmaan cahaya matahari pada pelbagai cermin akan membalikkan cahaya dan haba matahari itu sendiri. Maka begitu juga dengan jelmaan makhluk nurani seperti malaikat yang memperlihatkan ciri-cirinya pada pelbagai cermin. Maka ia adalah diri mereka sendiri bukan yang lain. Para malaikat juga boleh menjelma di dalam cermin berdasarkan kebolehan cermin itu membalikkan cahayanya. Sebagai contoh:

Ketika malaikat Jibril AS sedang menjelma di hadapan Rasulullah SAW pada majlis para sahabat RA dalam bentuk seorang sahabat yang bernama Dahiyyah al-Kalbi, ia turut menjelma pada masa yang sama pada ribuan tempat lain dalam pelbagai bentuk jelmaan, sebagaimana ia turut bersujud di bawah arasy yang agung sambil menutup seluruh ufuk langit dengan sayapnya yang besar dan luas di antara timur dan barat. Maka ia mempunyai jelmaan di setiap tempat berdasarkan kesediaan dan penerimaan tempat tersebut serta ia hadir dan berada pada ribuan tempat pada masa yang sama.

Demikianlah.. Maka berdasarkan jawapan ini, sama sekali tidak mustahil, dan bukanlah suatu yang luar biasa, serta bukanlah suatu yang tidak masuk akal jika satu malaikat seperti malaikat maut yang menjelma bagi seseorang manusia (yang merupakan satu contoh jelmaan juz’i sebagai manusia) bagi mencabut nyawanya untuk terdedah kepada tampanan Nabi Musa AS, seorang peribadi agung lagi digeruni dari kalangan rasul yang ulul azmi, dan dicabut matanya ketika malaikat maut itu menjelma dalam keadaan memakai bentuk tersebut.

Kedua:

Sesungguhnya para malaikat yang hebat seperti malaikat Jibril, Mika’il dan ‘Izra’il AS, setiap satunya adalah ketua. Mereka mempunyai para pembantu dari jenis mereka dan yang serupa dengan mereka, tetapi dengan model yang lebih kecil. Para pembantu yang lebih kecil ini adalah berbeza berdasarkan perbezaan makhluk yang mereka diperintahkan untuk mencabut nyawanya. Maka malaikat yang ditugaskan untuk mencabut nyawa orang-orang yang salih¹⁸ adalah berbeza daripada malaikat yang ditugaskan untuk mencabut nyawa orang-orang yang jahat. Maka mereka terdiri daripada pelbagai kumpulan dari kalangan malaikat sebagaimana dinyatakan oleh firman Allah SWT (al-Nazi‘at: 1-2):

~ ° ፳ ፷ ፻ ፻

Maksudnya: “Demi (malaikat) yang mencabut dengan cara yang sekasar-kasarnya, dan yang menarik dengan cara yang selembut-lembutnya.”

Berdasarkan jawapan ini, maka Sayyidina Musa AS tidak menampar Sayyidina ‘Izra’il AS, bahkan dia hanya menampar jasad yang dijelmakan oleh salah seorang pembantunya. Nabi Musa AS melakukannya dengan kekuasaan kenabiannya yang mulia, dengan kekuatan tubuh badannya, dengan

¹⁸ Ketika salah seorang wali yang hebat di kawasan kami yang digelar sebagai ‘Sida’ sedang mengalami sakaratul maut, dan malaikat yang ditugaskan mencabut nyawanya telah datang, dia meminta bantuan daripada Allah SWT dan berkata: “Hendaklah ruh saya dicabut oleh malaikat yang ditugaskan untuk mencabut nyawa para penuntut ilmu kerana saya amat mengasihi mereka.” Kejadian ini telah disaksikan oleh orang-orang yang sedang berada di sisinya ketika dia menghembuskan nafasnya yang terakhir. (Pengarang)

kekentalan kejadiannya dan dengan kedudukannya di sisi tuhannya yang maha berkuasa. Demikianlah bagaimana perkara ini menjadi amat lojik dan boleh diterima akal.¹⁹

Ketiga:

Sesungguhnya kami telah menjelaskan pada asas keempat daripada Kalimah Kedua Puluh Sembilan dan berdasarkan petunjuk beberapa hadis yang mulia, bahawa terdapat beberapa malaikat memiliki empat puluh ribu kepala. Pada setiap kepala terdapat empat puluh ribu lidah (yakni mereka juga memiliki lapan puluh ribu mata). Setiap lidah bertasbih sebanyak empat puluh ribu tasbih. Oleh kerana para malaikat ditugaskan untuk mewakili berdasarkan jenis-jenis alam syahadah, dan mereka mewakili tasbih-tasbih yang dilakukan oleh jenis-jenis tersebut pada alam ruh, maka mereka mestilah mempunyai bentuk dan gambaran sebagaimana dinyatakan. **Itu adalah kerana bumi misalnya yang merupakan salah satu makhluk Allah, bertasbih kepada Allah dan ia memiliki empat puluh ribu jenis daripada jenis-jenisnya, bahkan ratusan ribu banyaknya, yang setiap satunya sama dengan ketua-ketua yang sentiasa bertasbih baginya, dan bagi setiap jenis itu pula terdapat ribuan unit yang sama dengan lidah.. Demikianlah.**

Maka malaikat yang ditugaskan di atas muka bumi seharusnya memiliki empat puluh ribu kepala, bahkan ratusan ribu kepala, dan pada setiap kepala, ratusan ribu lidah.. Demikianlah.

Maka berdasarkan jawapan ini: Sesungguhnya ‘Izra’il AS mempunyai satu wajah yang tertuju kepada setiap individu dan mata yang menilik setiap orang. Oleh itu, tamparan yang dilakukan oleh Sayyidina Musa AS bukanlah terhadap hakikat peribadi (batang tubuh) Sayyidina ‘Izra’il dan bukan terhadap bentuknya yang hakiki, jauh sekali. Tindakan ini juga bukanlah tindakan penghinaan dan bukan kerana tidak mahu menerima, tetapi ia adalah tindakan yang lahir daripada keinginan Nabi Musa AS untuk meneruskan tugas risalahnya. Demi kerana ini, dia menampar -dan dia berhak berbuat demikian- mata yang sentiasa mengawasi ajalnya dan yang mahu menamatkan tugasnya di atas muka bumi. Namun Allah lah yang lebih mengetahui apa yang sebenarnya, dan hanya Dia yang mengetahui perkara ghaib. Katakanlah bahawa ilmu yang sebenarnya hanya di sisi Allah.

Firman Allah SWT (Al ‘Imran: 7):

وَمَنْ يُرِكِّبُ كُلَّ شَيْءٍ فَإِنَّمَا يُرِكِّبُ الْأَنْجَوَاتِ
وَالْأَنْجَوَاتِ فَلَا يُرِكِّبُ مَا يَرَى

Maksudnya: “Dia lah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab Suci al-Quran. Sebahagian besar daripada al-Quran itu ialah ayat-ayat ‘muhkamat’ (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat muhkamat itu ialah ibu (atau pokok) isi al-Quran. Dan yang lain lagi ialah ayat-ayat ‘mutashabihat’ (yang samar-samar, tidak terang maksudnya). Oleh sebab itu (timbulah faham yang berlainan menurut kandungan hati masing-masing). Adapun orang-orang yang ada dalam hatinya kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu menurut apa yang samar-samar daripada al-Quran untuk mencari fitnah dan mencari-cari takwilnya (memutarkan maksudnya menurut yang disukainya). Padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya (tafsir maksudnya yang sebenar) melainkan Allah. Dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama, berkata: “Kami beriman kepadanya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami”, dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikiran.”

¹⁹ Di bandar kami ada seorang yang sangat berani. Apabila malaikat maut datang kepadanya, dia berkata: “Adakah engkau mahu mencabut nyawaku sedang aku terbaring di atas katil?” Lalu dia bangun dengan mudah daripada katilnya, menunggang kudanya dan menghunus pedangnya, seolah-olah dia berada di medan jihad dan sedang bertempur. Kemudian ruhnya keluar sedang dia berada di atas kudanya. Dia mati sebagai seorang pahlawan. (Pengarang)

Mukadimah Kesebelas daripada *al-Muhakamat* (perbicaraan)

Beberapa isu dalam satu isu

Kadang-kadang satu perkataan atau percakapan mengandungi beberapa hukum hakam. Kadang-kadang satu cengkerang mengandungi banyak permata. Telah terbukti di kalangan ahli ilmu bahawa:

Satu isu sebenarnya mengandungi beberapa isu lain. Setiap satu membawa buahan yang berlainan, kerana masing-masing lahir dan membesar daripada punca yang berlainan.. Maka sesiapa yang tidak mampu membuat perbezaan, maka dia tidak akan menemui kebenaran dan sentiasa jauh daripadanya.

Contohnya:

Disebutkan dalam sebuah hadis:²⁰

بَعْثَتْ أَنَا وَالسَّاعَةُ كَهَاتِينِ.

Maksudnya: “Jarak antara aku diutuskan dengan hari kiamat adalah seperti dua (jariku) ini.”

Yakni, tidak ada nabi lagi selepasku sehingga berlaku kiamat. Apa sahaja maksud daripada hadis itu, maka ia adalah benar.

Hadis yang mulia ini mengandungi tiga isu:

Pertama: Bahawa perkataan ini adalah perkataan Nabi SAW.. Isu ini adalah hasil daripada suatu yang *mutawatir* jika benar hadis tersebut adalah hadis *mutawatir*.

Kedua: Makna yang dikehendaki dan dimaksudkan oleh hadis ini adalah hak dan benar. Isu ini adalah hasil daripada bukti yang bersandarkan kepada mukjizat baginda SAW, kerana tidak keluar daripada baginda SAW melainkan hanya kebenaran semata-mata.

Seharusnya berlaku persepakatan terhadap kedua-dua isu ini, kerana sesiapa yang mengingkari isu pertama maka dia adalah seorang pendusta dan sompong. Manakala sesiapa yang mengingkari isu kedua maka dia adalah sesat dan terjerumus ke dalam kegelapan.

Ketiga: Bahawa yang dikehendaki daripada perkataan (hadis) ini ialah sebagaimana yang saya akan terangkan di bawah.. Inilah permata yang ada di dalam cengkerang tersebut. Isu ini adalah hasil daripada ijтиhad, bukan berdasarkan hawa nafsu, kerana sebagaimana dimaklumi bahawa seorang mujtahid tidak ditaklifkan untuk bertaqlid (mengikut) mujtahid yang lain.

Isu ketiga ini adalah punca kepada segala perselisihan yang berlaku. Bukti yang paling benar dan jelas ialah terdapatnya pelbagai pendapat yang saling bertentangan di dalam satu isu, sebagaimana yang kita saksikan ini.

Maka sesiapa yang mengingkari isu ini, dia tidak dianggap seorang yang takabbur, sompong dan sesat, serta dia juga tidak terjerumus kepada kekufran, jika keingkaraannya itu lahir daripada ijтиhad, kerana sesuatu yang umum tidak ternafi dengan sebab ternafinya sesuatu yang khusus. Tambahan pula banyak nas yang walaupun dari sudut matannya adalah *qat'i*, namun dari sudut *dalahnya* adalah *zanni*.. Maka kita hendaklah memasuki sesebuah rumah melalui pintunya. Setiap perkara ada pintunya. Setiap kunci, ada anak kuncinya.

²⁰ Hadis sahih dikeluarkan oleh al-Bukhari 6505 daripada hadis Abu Hurayrah RA dan ia adalah hadis *mutawatir*. Lihat *al-Nazm al-mutanathir fi al-hadith al-mutawatir*, hlm. 143, no. 187.

Khatimah (Penutup):

Ketiga-tiga isu ini berlaku pada ayat al-Quran, sebagaimana ia berlaku pada hadis Nabi SAW kerana ia adalah isu-isu yang umum, kecuali terdapat satu perbezaan yang halus pada isu yang pertama.

Demikianlah bagaimana sesuatu perkataan mengandungi hukum hakam yang banyak, tetapi ia adalah hukum hakam yang khusus. Setiap satu daripadanya adalah berbeza daripada yang lain dari sudut asal usul, sebagaimana ia turut membawa buah yang berlainan.

Perhatian:

Kadang-kadang sesiapa yang tetap mahu membantah akan menjumpai pada isu-isu seumpama ini alasan-alasan dan hujah-hujah remeh yang boleh digunakan yang lahir daripada perasaan cintakan diri sendiri: seperti hanya mahu membantah apa sahaja, fanatik yang tercela, cintakan kemasyhuran, perasaan mahu berpihak, merasionalisasikan perkara *waham* (sangkaan) dan khayalan dengan disandarkan kepada suatu asal atau kaedah, memandang perkara yang lemah sebagai kuat kerana bersesuaian dengan kehendak nafsunya, memperlihatkan kelebihan dirinya dengan mempamerkan kelemahan orang lain dan merendah-rendahkan kedudukan mereka, menampakkan dirinya benar dengan mendustakan orang lain, menunjukkan dirinya *istiqamah* (berada di jalan yang lurus) dan menyatakan kesesatan orang lain dan lain-lain alasan yang rendah dan lemah! Kepada Allah sahajalah tempat mengadu.

Kilatan Keempat Belas

Maqam Pertama

Antara Hakikat dan *Tashbih* (Perbandingan)

Dengan nama Allah yang maha suci

Firman Allah SWT (al-Isra': 44):

وَمَنْ نِعْمَةٌ مُّكَفَّرٌ بِهِ

Maksudnya: "Dan tiada sesuatu pun melainkan bertasbih dengan memujiNya."

al-Salam 'alaikum warahmat Allah wabarakatuh.

Wahai Ra'fat, saudaraku yang mulia, benar dan setia!

Sesungguhnya soalan yang anda tanyakan sekitar 'lembu jantan' dan 'ikan paus'²¹ telah sedia dijawab pada beberapa risalah. Saya telah jelaskan pada 'Dahan Ketiga daripada Kalimah Kedua Puluh Empat', dua belas kaedah penting dalam dua belas asal sekitar permasalahan seumpama ini. Kaedah-kaedah tersebut merupakan asas-asas penting bagi menolak keraguan dan sangkaan yang lahir terhadap hadis-hadis Nabi SAW. Setiap kaedah daripadanya merupakan ukuran yang penting bagi menjelaskan pelbagai takwilan berkenaan hadis-hadis Nabi SAW.

Wahai saudaraku! Sesungguhnya saya hanya sibuk dengan perkara-perkara yang melibatkan pemberian hati. Dukacitanya, pada waktu ini terdapat beberapa keadaan mendatang yang menghalang saya menyibukkan diri dengan permasalahan-permasalahan keilmuan. Oleh itu, saya tidak mampu memberikan jawapan yang sempurna terhadap soalan yang anda kemukakan, kerana jika Allah memberikan taufiqNya dan membuka hati saya untuk urusan pemberian hati, saya terpaksa menyibukkan diri dengannya terlebih dahulu. Dan jika pada sesuatu ketika jawapan boleh diberikan terhadap sesuatu soalan berbetulan dengan 'pembukaan hati' itu, maka janganlah anda merasa kesempitan, kerana saya tidak mampu memberikan jawapan yang sempurna terhadap setiap soalan anda. Sekarang benarkan saya menjawab soalan anda secara ringkas.

Wahai saudaraku! Anda menyebutkan dalam soalan anda:

²¹ Dikeluarkan oleh al-Hakim (4/436, no. 8756) daripada 'Abdullah ibn 'Amru RA, katanya: "Rasulullah SAW bersabda إن الأرض بين كل أرض إلى التي تليها مسيرة خمسة سنين فالعليا منها على ظهر حوت قد التقى طرفها في سماء ، والحوت على ظهره على صخرة ،) والصخرة بيد ملك ، والثانية سخر الريح ، فلما أراد الله أن يهلك عادا أمر حازن الريح أن يرسل عليهم رجلاً يملك عادا، قال: يا رب أرسل عليهم الريح قدر من خر الثور ، فقال له الجبار تبارك وتعالى: إذا تكفي الأرض ومن عليها ، ولكن أرسل عليهم بقدر خاتم ، وهي التي قال الله عز وجل في كتابه العزيز: ما تذر من شيء أنت عليه إلا جعلته كالرميم yang bermaksud: "Sesungguhnya (lapisan-lapisan) bumi ini, daripada satu lapisan kepada satu lapisan yang lain adalah lima ratus tahun (perjalanan). Lapisan yang paling tinggi berada di atas belakang seekor ikan paus yang kedua-dua bahagian tepinya bertemu di langit. Ikan paus itu pula berada di atas seketul batu pada bahagian belakangnya. Batu itu pula berada pada tangan satu malaikat. Lapisan kedua pula tempat simpanan angin. Ketika muharrim memusnahkan kaum 'Ad, Allah SWT memerintahkan malaikat penjaga angin agar mengirimkan angin kepada kaum 'Ad yang boleh memusnahkan mereka. Malaikat itu berkata: "Wahai Tuhan! Saya akan mengirimkan kepada mereka angin sekadar hembusan lembu jantan." Allah SWT yang maha perkasa berkata: "Ia mencukupi untuk memusnahkan bumi dan segala penduduknya. Tetapi hantarkan kepada mereka angin sekadar sebesar cincin." Itulah angin yang difirmankan oleh Allah SWT di dalam al-Quran (al-Dhariyat: 42) 'Angin itu tidak meninggalkan sesuatu pun yang dirempuhnya, melainkan menjadikannya (hancur) seperti debu.' al-Hakim berkata: "Hadis ini diriwayatkan secara tunggal oleh Abu al-Samh daripada Isa ibn Hilal. Saya telah sebutkan sebelum ini tentang keadilannya dengan nas Imam Yahya ibn Ma'in RA. Hadis ini adalah sahih tetapi tidak dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim, dan diberi komentar oleh al-Mundhiri di dalam al-Targhib wa al-Tarhib (4/258), katanya: "Pada matannya terdapat *nakarah* (kejahilan). Wa Allah a'lam.

Sesungguhnya para ulama dalam bidang agama berkata: Bumi berdiri di atas ikan paus dan lembu jantan. Sedangkan dalam ilmu geografi, bumi adalah sebuah planet yang tergantung dan berputar di langit sama seperti planet-planet lain. Tidak ada lembu jantan dan tidak ada ikan paus!

Jawapan: Terdapat satu riwayat sahih yang disandarkan kepada Ibn ‘Abbas RA, yang mengatakan bahawa Rasulullah SAW ditanya: “Bumi berdiri di atas apa?” Baginda SAW menjawab: “Di atas lembu jantan dan ikan paus.” Dalam riwayat yang lain, sekali lagi baginda berkata: “di atas lembu jantan”, dan kali yang lain baginda berkata: “di atas ikan paus”. Tetapi sebilangan ulama hadis telah mengaplikasikan riwayat ini kepada hikayat-hikayat kuno dan khurafat yang diambil daripada Isra’iliyyat, terutamanya daripada ahli ilmu Bani Israel yang memeluk Islam. Mereka telah mengubah makna hadis ini dan menukarnya kepada suatu makna yang ajaib dan amat ganjil, kerana mereka mengaplikasikan hadis ini bersesuaian dengan hikayat-hikayat yang mereka lihat di dalam kitab-kitab mereka yang lalu berkenaan dengan lembu jantan dan ikan paus.

Di sini, kami akan mengisyaratkan dengan seringkas ringkasnya kepada ‘tiga asas’ dan ‘tiga wajah (bentuk)’ ketika menjawab soalan anda itu:

Asas Pertama

Setelah memeluk Islam, segolongan ulama dari kalangan ulama Bani Israel telah membawa bersama-sama mereka maklumat-maklumat mereka yang terdahulu ke dalam Islam. Lalu maklumat-maklumat itu menjadi milik atau sebahagian daripada ilmu-ilmu Islam. Sedangkan maklumat-maklumat itu mengandungi beberapa kesalahan. Kesalahan-kesalahan itu tidak syak lagi berpunca daripada mereka bukan berpunca daripada Islam.

Asas Kedua

Bahawa jika sesuatu perbandingan dan perumpamaan berpindah daripada golongan khusus kepada golongan awam, yakni berpindah daripada tangan ilmu kepada tangan kejihilan, ia akan dianggap sebagai hakikat-hakikat benar dengan sebab berlalunya masa yang panjang, yakni seolah-olah ia adalah hakikat realiti, bukan lagi perumpamaan.

Sebagai contoh: Ketika saya masih kecil, berlaku gerhana bulan, lalu saya bertanya kepada ibu saya: “Apa yang telah terjadi kepada bulan?” Ibu saya menjawab: “Ular di langit telah menelannya!” Saya bertanya lagi: “Tetapi kenapa ia masih lagi kelihatan?” Ibu saya menjawab: “Kerana ular-ular di langit adalah lutsinar, sama seperti kaca yang boleh menampakkan apa yang berada di dalamnya.” Saya amat mengingati peristiwa ini dan saya tertanya-tanya, bagaimana khurafat sebegini yang begitu jauh daripada kebenaran boleh dipegang oleh ibu saya yang agak cerdik dan beliau begitu serius ketika menerangkannya?

Tetapi setelah saya menelaah ilmu falak, saya melihat bahawa orang-orang yang berpendapat sebagaimana pendapat ibu saya itu, telah menerima perumpamaan yang dibuat itu sebagai satu hakikat yang realiti. Ini adalah kerana para ahli falak telah membandingkan dua lengkungan yang terhasil daripada pertindihan bulatan matahari iaitu kawasan galaksi dan orbit putarannya, dengan bulatan bulan iaitu lengkungan bulan dan darjah orbitnya, mereka mengumpamakannya dengan perumpamaan yang halus, iaitu seperti dua ekor ular yang besar dan mereka menamakan kedua-duanya sebagai naga. Mereka juga memberikan nama kepada salah satu noktah persimpangan kedua-dua bulatan tersebut sebagai ‘kepala’ dan yang satu lagi ‘ekor’. Ketika bulan sampai kepada ‘kepala’ dan matahari sampai kepada ‘ekor’, berlakulah apa yang diistilahkan oleh para ahli falak sebagai ‘keterlindungan bumi’, yakni bumi berada tepat di antara kedua-duanya. Ketika itu berlakulah gerhana bulan. Seolah-olah bulan masuk ke dalam mulut naga berdasarkan perumpamaan tersebut.

Demikianlah apabila perumpamaan ilmiah lagi tinggi ini tersebar ke dalam percakapan orang awam, dengan sebab berlalunya masa yang panjang, ia benar-benar menjadi naga besar dan berjisim lalu menelan bulan!

Demikian jugalah yang berlaku kepada dua malaikat yang besar, yang dinamakan sebagai lembu jantan dan ikan paus. Kedua-dua malaikat itu diberikan nama-nama tersebut sebagai perumpamaan yang halus lagi tinggi dan sebagai isyarat yang mempunyai matlamat tertentu. Tetapi apabila perumpamaan yang halus itu berpindah daripada lidah nubuwwah yang amat tinggi nilainya sasteranya kepada lidah orang-orang awam, dan dengan berlalunya masa, perumpamaan itu bertukar menjadi hakikat yang realiti. Lalu kedua-dua malaikat itu telah bertukar benar-benar menjadi lembu jantan yang besar dan ikan paus gergasi.

Asas Ketiga

al-Quran mempunyai *mutashabihat*, yang memberikan panduan tentang permasalahan-permasalahan yang halus lagi mendalam kepada orang-orang awam dengan membuat perumpamaan dan permisalan. Begitu juga dengan hadis turut mempunyai *mutashabihat* yang menggambarkan hakikat-hakikat yang luas dengan perumpamaan-perumpaman yang biasa di sisi orang-orang awam. Contohnya adalah sebagaimana yang kami nyatakan di dalam beberapa risalah yang lain:

Ketika didengari bunyi benda jatuh pada satu majlis Rasulullah SAW, baginda bersabda: “Ini adalah seketul batu yang menjunam di dalam neraka jahannam selama tujuh puluh tahun, sekarang baru ia sampai ke dasarnya.”

Namun selepas beberapa ketika, salah seorang sahabat datang dan berkata: “Sesungguhnya si fulan munafiq yang dikenali yang mencapai umur tujuh puluh tahun telah meninggal dunia.”

Apa yang dinyatakan itu merupakan perisytiharan tentang hakikat realiti bagi perumpamaan tinggi yang disebutkan oleh Rasulullah SAW.

Manakala tentang soalan anda wahai saudaraku, saya akan menyebutkan tiga *wajah* (cara) jawapan baginya:

Pertama

Sesungguhnya Allah SWT telah melantik empat malaikat yang besar di arasy dan di langit, bagi menjaga dan menyelia kedaulatan rububiyyahNya. Nama salah seorang daripada mereka ialah *Nasr* (helang) dan nama yang seorang lagi ialah *Thawr* (lembu jantan).

Manakala bumi yang merupakan saudara kecil bagi langit dan teman setia bagi segala planet juga telah dilantik dua malaikat untuk menjaga dan menanggungnya. Salah satu diberi nama *Thawr* (lembu jantan) dan satu lagi diberi nama *Hut* (ikan paus). Hikmat kenapa mereka diberi nama-nama tersebut adalah kerana bumi terbahagi kepada dua bahagian: daratan dan lautan, atau kawasan kering dan berair. Malaikat yang menjaga laut iaitu air, ialah ikan paus, manakala malaikat yang menjaga daratan dan tanah ialah lembu jantan, kerana paksi kehidupan manusia ialah pertanian yang banyak menggunakan khidmat lembu.

Jadi dua malaikat yang ditugaskan untuk menjaga bumi, kedua-duanya adalah ketua dan penjaga terhadapnya. Kerana itulah ia mempunyai kebergantungan, keterikatan dan kemunasabahan -dari satu sudut- dengan kumpulan ikan paus dan jenis lembu. Mungkinlah -dan ilmu sebenarnya adalah di sisi Allah-, mereka berdua di alam *malakut* dan di alam *al-mithal* (perbandingan) berbentuk seperti bentuk ikan paus dan lembu jantan.²²

²² Ya, sesungguhnya bebola bumi adalah ibarat sebuah kapal yang sedang belayar membelah lautan yang luas. Maka yang menjalankan kapal besar yang tidak mempunyai perasaan ini, dengan penuh teliti dan yang memandunya demi hikmat tertentu dengan perintah Allah, yakni pemandu kapal tersebut atau kaptennya ialah malaikat yang diberi nama sebagai *Hut* (ikan paus). Bumi ini juga adalah umpama ladang bagi akhirat sebagaimana dinyatakan di dalam hadis. Yang menjaga ladang itu dari kalangan malaikat dengan keizinan Allah ialah malaikat yang diberikan nama sebagai *Thawr* (lembu jantan). Memang kelihatan dengan jelas betapa serasi dan sesuainya nama yang diberikan itu. (Pengarang)

Sebagai isyarat kepada hubungan ini, dan sebagai menunjukkan kepada dua jenis makhluk bumi ini, Rasulullah SAW yang dikurniakan *jawami ‘al-kalim*²³ berkata: “Bumi ini berada di atas lembu jantan dan ikan paus.” Lalu dengan hanya satu ayat yang ringkas dan mempunyai nilai sastera yang tinggi itu baginda menerangkan tentang satu hakikat agung lagi mendalam yang kadang-kadang tidak dapat digambarkan oleh tulisan sepenuh satu halaman.

Kedua

Jika kita ditanya: “Dengan apakah negara ini tertegak?” Jawapannya: “Dengan pedang dan pena.” Yakni ia bersandarkan kepada kekuatan pedang tentera dan keberanian mereka serta ketangkasan mereka, juga kepada ilmu pengetahuan dan keadilan para pegawainya.

Bumi adalah tempat kediaman bagi segala kehidupan, dan manusia adalah penghulu segala makhluk hidup. Sebahagian besar manusia tinggal berdekatan dengan lautan serta pergantungan hidup mereka adalah ikan. Manakala kehidupan yang lain bergantung kepada tanaman yang banyak menggunakan khidmat lembu. Paksi perniagaan mereka pula adalah ikan. Sebagaimana kita boleh katakan bahawa sesebuah negara tertegak di atas pedang dan pena, begitu juga kita boleh mengatakan bahawa bumi ini tertegak di atas lembu jantan dan ikan paus. Kerana jika lembu tidak mahu bekerja dan ikan tidak mahu mengeluarkan telurnya yang berjumlah jutaan bagi setiap kali pengeluarannya, maka kehidupan manusia akan terhenti dan hancur. Pada ketika itu, Allah SWT tuhan yang maha mencipta lagi maha bijaksana mahu menghancurkan bumi ini.

Demikianlah bagaimana Rasulullah SAW yang mulia menjawab satu soalan dengan hikmah yang tinggi dan balaghah yang menakjubkan. Dengan hanya dua perkataan sahaja baginda menerangkan satu hakikat yang luas berhubung dengan sejauh mana keterikatan kehidupan manusia dengan haiwan, lalu baginda bersabda: “Bumi ini di atas lembu jantan dan ikan paus.”

Ketiga

Pada pandangan ahli ilmu falak terdahulu, matahari bergerak dan bumi pula tidak bergerak. Mereka menamakan setiap 30 darjah matahari sebagai buruj. Jika diandaikan terdapat benang di antara bintang-bintang yang terdapat pada buruj tersebut, nescaya akan terbentuklah kadang-kadang umpama gambar singa, gambar timbangan, gambar lembu jantan atau ikan paus. Oleh sebab itulah mereka menerangkan bintang-bintang tersebut dengan nama-nama itu.

Manakala ilmu falak moden pula berpendapat bahawa matahari tidak berputar di sekitar bumi, bahkan bumi lah yang berputar di sekitar matahari. Jadi segala buruj itu tidak mempunyai fungsi. Maka sudah tentu bagi buruj yang tidak mempunyai fungsi dan orbit besar itu ada bulatan lebih kecil pada orbit tahunan bumi. Yakni buruj-buruj di langit akan berada pada orbit tahunan bumi. Ketika itu, pada setiap bulan, bumi akan memasuki di bawah naungan salah satu buruj dan berada di bawah kawasan pembalikan cahayanya. Seolah-olah orbit tahunan bumi adalah cermin yang tergambar padanya gambaran buruj-buruj di langit.

Demikianlah berdasarkan jawapan ini, maka Rasulullah SAW bersabda sebagaimana yang kami sebutkan sebelum ini. Kadang-kadang bumi ini di atas ‘lembu jantan’ dan kadang-kadang di atas ‘ikan paus’.

Ya, sudah selayaknya bagi lidah nabi yang mulia lagi menakjubkan itu untuk berkata: “di atas lembu jantan” sebagai mengisyaratkan kepada suatu hakikat mendalam yang tidak dapat diketahui melainkan selepas beberapa kurun. Kerana bumi pada masa itu -iaitu semasa soalan itu ditanya- sedang berada dalam bentuk perumpamaan bagi bintang ‘lembu jantan’. Sedangkan ketika baginda SAW ditanya tentang soalan yang sama sebulan kemudian, baginda menjawab: “di atas ikan paus”, kerana bumi pada ketika itu sedang berada di bawah naungan bintang ‘ikan paus’.

²³ *Jawami ‘al-kalim* ialah: perkataan yang ringkas tetapi mengandungi makna yang luas.

Demikianlah bagaimana Rasulullah SAW mengisyaratkan dengan sabdanya ‘di atas lembu jantan dan ikan paus’ kepada hakikat agung ini yang hanya akan menjadi jelas dan terang pada masa akan datang.. Baginda SAW mengisyaratkan dengannya kepada pergerakan dan perjalanan bumi.. Baginda menunjukkan dengannya bahawa bintang-bintang yang sebenar di langit dan yang berfungsi ialah bintang-bintang yang berada pada orbit tahunan bumi. Bumilah yang menjalankan tugas dengan berlegar dan berjalan melalui bintang-bintang tersebut, yang bintang-bintang tersebut tidak berfungsi jika dinisbahkan kepada matahari dan ia tidak terdiri daripada jirim-jirim langit yang bergerak. Namun Allah lah yang mengetahui yang sebenarnya.

Manakala hikayat-hikayat yang terkeluar daripada logik akal yang terdapat dalam sesetengah kitab Islam berkenaan dengan lembu jantan dan ikan paus itu, maka sama ada ia adalah daripada *Isra’iliyyat*, atau ia adalah perumpamaan dan perbandingan, atau ia adalah takwilan yang dilakukan oleh sesetengah perawi, lalu disangkakan oleh orang-orang yang tidak melakukan penelitian bahawa ia adalah hadis lalu mereka menyandarkannya kepada Rasulullah SAW.

وَلَمْ يَرَهُوا لِنَفْسِهِمْ بَدْلًا

Maksudnya: “Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah.” (al-Baqarah: 286)

وَلَمْ يَرَهُوا لِنَفْسِهِمْ بَدْلًا

Maksudnya: “Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain daripada apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.” (al-Baqarah: 32)